

Volume III
No. 26



Friday
12th January, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 2733]

LATER RESUMPTION (MOTION) [Col. 2735]

THE SUPPLY BILL, 1962—

Committee of Supply (Second Allotted Day) [Col. 2735]

Head 12 [Col. 2736]

DI-TERRITKAN OLEH THOR BENG CHONG
PEMANGKU PENCHETAK KERAJAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
1962

Harga: \$1

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Friday, 12th January, 1962

The House met at Half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

The Honourable TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
P.I.S. (Segamat Utara).

- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).

- The Honourable ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister and Minister of External Affairs,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).
- „ the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR,
P.M.N. (Pontian Utara).

The Honourable the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).

„ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).

„ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

„ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

„ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).

„ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

„ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).

„ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).

„ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

„ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).

„ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).

„ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

„ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO

QUESTIONS

Arrest of Members of Political Parties

1. Enche' V. David asks the Minister of Internal Security to state why seven active members of an Opposition Political Party were arrested on 8th December, 1961.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Mr. Speaker, Sir, as has been emphasised from time to time these arrests were made not because the persons concerned were members of legal political parties but because, in line with the tactics of the Communist Party of Malaya as exposed

in White Paper No. 23 of 1959, they were exploiting their membership and position in the parties to further the aims and policies of the Communist Party of Malaya.

Enche' V. David: Sir, supplementary question. If the Minister has adequate proof and evidence, why the members who were arrested cannot be produced in a court of law?

2. Enche' V. David asks the Minister of Internal Security to state whether the Government is prepared to produce these detainees in an open court, if not, why.

Dato' Dr. Ismail: Mr. Speaker, Sir, the persons concerned were arrested and detained under the Internal Security Act, 1960, which does not require such persons to be produced in an open court. Section 11 of the Act,

however, provides that any person detained under such Act has the right to make representations to an Advisory Board appointed in accordance with the provision of Article 151 of the Constitution of the Federation of Malaya. The detained person is also furnished with a statement of the grounds on which the Order of Detention is made and the allegations of fact on which the Order is based.

Enche' V. David: When the Government said that it has adequate evidence, why not the Government charge them in a court of law under the Criminal Procedure Code?

Dato' Dr. Ismail: Well, Sir, I have already replied that these people were arrested and detained under the Internal Security Act of 1960.

Enche' V. David: Is it correct to assume that it is a denial of natural justice?

LATER RESUMPTION

(MOTION)

Dato' Dr. Ismail: Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the House at its rising this day shall resume at 11.30 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided under Standing Order 12.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the House at its rising this day shall resume at 11.30 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided under Standing Order 12.

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Second Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Head 12—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$15,426,674 for Head 12 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya sa-malam berkenaan dengan Pejabat Co-operative, di-dalam negeri kita ini, sa-bagaimana yang telah saya terangkan, ia-itu Rancangan Pembangunan Luar Bandar, rancangan tanah F.L.D.A., telah banyak di-adakan. Dalam rancangan tanah ini penduduk² berpeluang berchuchok tanam sayoran² dan sa-bagai-nya. Jadi, apa yang telah terjadi, saya perchaya-lah kerana pegawai² di-pejabat ini barangkali belum lagi sampai ka-tempat ini, bahan² yang dapat di-adakan ia-lah di-usahakan oleh mereka² dalam kawasan ini, tidak mendapat pasaran di-luar daripada tempat mereka. Dalam tiap² rancangan ini, saya di-beri faham, ia-itu segala perusahaan dan perniagaan ada-lah di-usahakan oleh Pejabat Co-operative ini. Tetapi malang-nya pasaran bagi bahan² mereka ini belum lagi di-usahakan. Saya bagi satu chontoh, rancangan di-Lembah Bilut, pada masa yang sudah, banyak penduduk² di-tempat ini berusaha bertanam lada sa-hingga bagitu banyak maka berlebihan-lah bagi kegunaan mereka sendiri. Apabila mereka membawa barang² ini kapada market atau pun pasar di-Bentong atau di-Kuala Lumpur maka mereka tidak dapat menjual kapada perniaga² di-daerah itu. Bahkan sampai harga 5 sen sa-kati pun mereka tidak sanggup membeli barang² mereka itu. Jadi, apa yang terjadi kapada penduduk² ini mereka pun berusaha-lah balek menchabut sa-mula beneh² tanam²an mereka itu dan di-buangkan kerana tidak mendatangkan fa'edah. Saya rasa, ini-lah masa-nya yang elok bagi Co-operative Marketing Officer dapat mengusahakan supaya bahan² keluaran yang banyak ini di-jual di-Kuala Lumpur dan di-lain² bandar yang besar.

Dalam Co-operative ini juga saya suka memberi sedikit pandangan ia-itu bila saya pergi di-sebelah pantai timor—Kelantan saya dapat rayuan dari beberapa kilang² padi dan dari orang ramai berkenaan dengan perjalanan Co-operative di-sana. Saya dapat tahu Co-operative Society di-sana ada-lah di-bantu oleh Kerajaan untuk membeli padi di-kilang² dan sa-bagai-nya. Tetapi apa yang terjadi bantuan itu sangat lambat datang-nya. Jadi dengan lambat bantuan ini penanam² padi tadi tidak sanggup menunggu wang itu dan terpaksa mereka itu menjualkan padi²-nya kepada kaum² kapitalis. Kaum kapitalis pula mengambil peluang dengan menggunakan kapital-nya; saya tahu di-belakang mereka² ini ada satu bank yang besar memberi bantuan wang membeli segala padi² yang boleh di-beli di-daerah²-nya itu dengan harga sedikit kurang daripada harga Kerajaan ia-itu \$15.00. Jadi, apa yang terjadi, banyak kilang² padi Co-operative terpaksa ditutup akibat tekanan ini. Kepada pehak petani² ini mereka chuma boleh menggunakan padi-nya sa-lama 6 bulan sahaja sa-lepas itu mereka terpaksa membeli pula beras daripada kedai². Pemodal tadi pula menggunakan peluang-nya sa-telah padi di-beli semua-nya maka beras-nya di-jual dengan harga yang mahal balek kepada petani² ini. Jadi, ini-lah saya menhadangkan ia-itu yang pertama bantuan² hendak-lah di-berikan dengan chepat-nya. Yang kedua licence² kerana hendak membeli padi; hendak di-khaskan kepada Co-operative sahaja supaya mengelakkan orang² ramai menjual padi²-nya kepada pemodal². Jadi, saya rasa ini satu keuntungan yang besar yang dapat kepada pekebun² padi kita.

Dalam Co-operative ini, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan dalam negeri kita ini, banyak terdapat orang kita Melayu berkebun kelapa. Saya perhatikan banyak sa-kali ia-lah di-sebelah pantai barat—Sabak Bernam, Bagan Datok dan lain² lagi. Jadi, samasa saya melawat Philippines dahulu saya perhatikan Kerajaan negeri itu membantu anak² negeri-nya seperti

pekebun² kelapa ini dengan mengadakan berbagai² chara supaya bahan² dari kebun² ini berguna. Yang pertama saya perhatikan ia-lah sabut²-nya dapat di-gunakan membuat tali, membuat tikar dan sa-bagai-nya. Kemudian di-export keluar negeri. Jadi, saya berpendapat dengan usaha Yang Berhormat Menteri, kalau dapat di-adakan satu factory di-mana sa-biji kelapa itu boleh di-gunakan. Seperti sabut-nya di-buat tali dan tikar dan tempurong-nya di-gunakan untuk perhiasan² di-rumah² manakala minyak-nya pula dapat di-gunakan dan hampas²-nya di-gunakan dengan di-champor dengan barang² lain bagi makanan kerbau dan lembu. Jadi, usaha yang sa-macam ini saya rasa bukan sahaja mendapat harga² yang lebeh, tetapi juga dapat memberikan pekerjaan kepada orang ramai dalam perusahaan yang besar ini. Saya selalu juga bercheloteh dengan mereka² tuan punya kebun kelapa dan mereka menyatakan ia-itu oleh sebab kekurangan wang—kekurangan modal maka tidak dapat mereka menubuhkan perusahaan yang besar seperti mana yang saya chadangkan tadi. Di-katakan juga ada usaha² daripada Co-operative Department ini untuk menyuruh mereka membuat pergerakan Co-operative tetapi mereka di-kehendaki sendiri terlebih dahulu mengumpulkan wang² model. Maka untuk mengoupuikan wang ini-lah satu perkara yang sangat sukar. Di-sini-lah kesulitan² daripada pekebun² untuk mengumpulkan model-nya.

Saya perchaya kalau dengan usaha Kerajaan ia-itu mengadakan Factory terlebih dahulu dan di-beri peluang² mengusahakan kepada pekebun² kelapa ini sudah tentu akan mendapat sambutan yang tinggi dan juga akan memberi peluang menambahkan pendapatan kepada orang² kita dalam negeri ini.

Dalam bahagian perusahaan perikanan, nampak-nya ini-lah perusahaan yang baharu dan saya menguchapkan terima kaseh atas usaha pejabat ini untuk memajukan berkenaan dengan chara² perikanan, saya perhatikan ada 24 ahli baharu yang berusaha bertugas dalam lapangan ini.

Dalam muka 54, Tuan Yang di-Pertua, Head 12, Item (8), Sub-head 8, "Agricultural Show" yang mana peruntukan sa-banyak \$4,500. Saya berharap oleh sebab sekarang ini Kerajaan menggalakkan ra'ayat jelata berchuchok tanam di-ranchangan² tanah, maka elok-lah pehak Kerajaan dapat berusaha mengadakan show ini di-tiap² negeri supaya menjadi satu daya atau satu gerakan kepada peladang menunjukkan kepada orang ramai berkenaan kebolehan-nya masing². Dengan itu peladang² mendapat panduan yang boleh menggalakkan dan membaiki lagi kedudukan taraf bahan tanaman yang di-keluarkan. Pada masa ini saya memerhatikan pertunjukan² yang besar yang di-adakan pada sa-kali sa-tahun di-Kuala Lumpur di-panggil MAHA, di-mana saya memandang dalam pertunjukan² itu yang besar-nya ia-lah pertunjukan ahli² kaum modal sahaja. Sa-telah show bahagian² peladang² ini di-adakan di-tiap² buah negeri maka segala bahan yang baik akan di-pamir champorkan pula dengan satu pertunjukan yang besar ia-itu di-Kuala Lumpur. Chara yang bagini ada-lah lebeh menggalakkan petani² dan peladang² kita untuk bertugas dengan giat-nya kerana hendak menunjukkan kechanteakan barang² tanaman²-nya itu.

Dalam muka 57, Sub-head 70, "Co-operative Education" ada peruntukan wang sa-banyak \$40,000. Rasa saya ini-lah satu langkah yang elok untuk memberi pelajaran kepada ra'ayat jelata untuk meninggikan taraf hidup mereka. Dengan usaha menjalankan Co-operative Education itu saya perchaya kaum pemodal² yang menindas ra'ayat jelata itu dapat di-hapuskan. Saya berasa besar hati mendapat pertolongan yang besar daripada pejabat Veterinary yang mana telah berusaha dengan bersusah payah menyelideki di-tempat saya berkenaan dengan berternak lembu dan kambing, tetapi dalam perusahaan untuk menggalakkan ra'ayat jelata dalam perusahaan membiakkan ayam, saya ada memerhatikan pejabat Veterinary ini memberi choma 5 ekor anak ayam kepada family² di-kampong². Saya berasa ini tidak-

lah menasabah. Sa-belum di-beri anak² ayam ini maka elok-lah di-siasat terlebeh dahulu supaya memberi fa'edah kepada orang² kampong atas pemberian ini. Di-harapka anak² ayam itu diberikan kepada mereka yang betul² hendak berusaha berternak ayam. Akan tetapi memberikan ayam sa-banyak 5 ekor itu saya rasa tidak-lah ada memberi fa'edah. Jadi kalau dapat-lah kira-nya pada masa hadapan di-berikan pertolongan anak² ayam kepada orang² kampong yang betul chendrong kepada perusahaan teranak ayam supaya dapat perusahaan ini di-buat dengan besar²an.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Abdul Raof (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan di-atas belanjawan bagi Kementerian Pertanian ini bagi tahun 1962 yang mana saya rasa ada-lah banyak kebaikan-nya. Saya suka mengambil perhatian kepada Kementerian ini di-atas kaki-tangan² yang ada di-Kuala Kangsar pada hari ini ada-lah sangat kurang. Pada masa penjajahan dahulu, kaki-tangan² yang ada ia-lah sa-orang Agricultural Officer, sa-orang Assistant Agricultural Officer, dua orang Agricultural Assistant dan satu orang Cadet Agricultural Officer. Tetapi pada hari ini pegawai² itu telah pun kurang ia-itu satu orang sahaja Agricultural Officer, dua orang Agricultural Assistant dan satu daripadanya ia-lah pegawai sementara, dan tidak ada lagi Cadet Officer. Memandangkan kepada kerja² yang bagini banyak dan bertambah pula pada masa ini berkenaan dengan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar maka saya rasa bilangan pegawai² yang ada pada hari ini tidak-lah menchukupi.

Saya suka-lah merayu kepada Kementerian ini supaya pegawai² itu di-tambah lagi. Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membawa perhatian kepada muka 54, Head 12. Di-tempat saya, di-Kuala Kangsar, baharu² ini ada menanam padi taiwan yang mana sangat-lah mendukachitakan ia-itu banyak musoh yang menjahanamkan padi itu. Musoh

itu ia-lah chenangau. Jadi dengan sebab itu keada'an saperti ini sangatlah mendukachitakan kerana kira² $\frac{1}{4}$ daripada padi² itu telah di-jahanamkan oleh benda itu. Jadi, sa-bagaimana kuat azam dan chita² petani² itu sa-kali pun kalau benda² yang di-tanam-nya itu di-jahanamkan oleh benda² itu terus-menerus maka tentu-lah pada masa hadapan akan melemahkan perasaan² atau semangat² mereka untuk berusaha.

Saya telah pun bertanya² kepada pegawai² di-sana, bagaimana-kah chenangau itu jadi, dan dari mana ia datang? Jawapan-nya, tidak memuaskan, kata-nya datang dari hutan dan semak. Kalau begitu-lah jawapan-nya saya pun tahu. Sa-umpama Anti-Malarial, kita boleh dapat tahu di-mana tempat²-nya nyamok² berjadi dan dengan itu dapat-lah dengan senang menghapus-nya. Oleh itu, saya rasa ini-lah satu perkara yang patut di-ambil perhatian oleh pejabat ini supaya tahu di-mana chenangau itu jadi-nya. Kira-nya kita dapat tahu di-mana asal-nya maka sudah tentu akan dapat di-hapuskan. Saya berharap supaya pejabat ini dapat menyelideki-nya. Sakian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Syed Hashim bin Syed Ajam (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, di-sini saya hendak berchakap tentang Kementerian ini. Saya ucapkan ber-banyak terima kaseh. Saya tujukan kepada Head 12 Item (103) Agricutural Assistants. Nampak-nya dahulu Agricutural Assistant ini 20 orang tetapi sekarang ini bertambah dua orang. Jadi pegawai ini saya sangat² berharapkan supaya boleh di-hantarkan sa-orang ka-Sabak Bernam kerana sawah di-kawasan itu baharu jadi dan fa'edah-nya kalau ada pegawai ini di-hantarkan satu ka-Sabak Bernam, saya ingat ada-lah satu jalan bagi ra'ayat Sabak Bernam yang mempunyai penduduk² lebih dari 60,000 orang supaya dapat di-awasi menambahkan segala tanam²an di-mana² kampung yang ta' maju dalam perusahaan tanam²an. Itu-lah saya harap supaya sa-orang pegawai itu di-hantarkan oleh Kementerian ini.

Dato' Mohd. Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, muka 41—Research Branch. Tiada siapa yang dapat menapikan di-atas usaha yang telah di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri yang bertugas bagi memajukan ra'ayat negeri ini. Tetapi ada satu dua perkara yang saya suka membawa pandangan kalau sa-kira-nya dapat Yang Berhormat Menteri itu bersama² memikirkan soal ini ia-itu dalam soal Research Branch. Saya di-fahamkan ia-itu dalam soal pokok serai, betek dan ubi kayu. Tiga perkara ini rasa saya kalau dapat di-selideki harus akan mendatangkan hasil yang besar bagi negeri ini. Kita tahu sa-bagaimana yang di-fahamkan oleh Menteri Kewangan tempoh hari dalam soal kedudukan getah pasaran dunia yang tidak terjamin pasaran-nya pada masa akan datang. Maka patut-lah Kementerian ini dapat menyelideki dalam tiga² perkara ini—pokok serai, betek dan ubi kayu. Saya di-fahamkan ia-itu pokok serai ini boleh di-jadikan atau boleh mengeluarkan minyak untuk champoran menjadikan minyak wangi. Harus-lah serai ini mendatangkan hasil yang baik bagi negeri ini.

Lagi satu soal betek, getah-nya boleh di-jadikan tepong guna-nya bagi melembutkan daging dan untuk champoran memasak daging. Saya di-fahamkan oleh sahabat saya mengatakan perkara ini sungguh pun nampak-nya kecil tetapi akan menjadikan bahan yang mendatangkan hasil yang besar bagi negeri ini.

Yang ketiga ubi kayu. Ubi kayu boleh mengeluarkan dan menjadikan chuka getah. Getah ada-lah hasil besar dalam negeri ini dan sa-kira-nya ubi kayu di-jadikan chuka getah maka menambahkan besar hasil bagi negeri ini kalau sa-kira-nya dapat Yang Berhormat itu timbangan perkara ini supaya di-jadikan hasil yang baik, dengan demikian dapat menambahkan perusahaan bagi ra'ayat ia-itu perusahaan menanam pokok serai, betek dan ubi kayu.

Muka 44—Drainage and Irrigation. Dalam usahan memajukan negeri ini dalam soal pertanian bagi

mengeluarkan lebih banyak padi dalam negeri ini, maka mustahak sangat-lah empang batu di-banyakkan dalam negeri ini. Saya nampak dalam Item (184) dan (192). Item (184) Drainage and Irrigation Engineer pada tahun 1961 11 dan tahun ini 11 juga. Rasa saya Yang Berhormat Menteri harus dapat menambahkan dalam Drainage and Irrigation ini Engineer² supaya dapat menjalankan usaha bagi menyelamatkan tanah² yang di-tenggelamkan oleh ayer, kerana ada sawah padi yang pada masa ini di-sebabkan sungai tertinggi daripada sawah dan menyebabkan tenggelam tanah sawah itu, hingga menyebabkan petani² kesulitan bagi mengusahakan tanah sawah itu. Bagitu juga tanah² yang selalu kering kerana kesukaran ayer. Dalam perkara ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri kalau sa-kira-nya dapat di-banyakkan lagi bilangan Engineer² dan bagitu juga dalam Item 192. Di-sini telah bertambah 3 dalam tahun 1962 dan Technical Assistant ini pun sangat mustahak dan patut-lah dapat ditambahkan lagi, bagi membolehkan dan menjalankan ranchangan yang mustahak ini.

Muka 54 Sub-head 8—Agricultural Shows. Perkara ini telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Temerloh dan saya sendiri pun bersetuju di-atas fikiran-nya supaya Agricultural Shows ini di-adakan di-tiap² negeri. Kerana pada masa yang telah sudah di-adakan MAHA di-Kuala Lumpur, memang-lah di-dapati kebanyakan barang² pertunjokan itu ada-lah dari pehak² pemodal, dan kalau-lah dapat negeri ini dapat mengadakan pertunjokan² dalam tingkatan negeri saya fikir harus-lah pehak ra'ayat mengambil bahagian dengan sunggoh² dan chara demikian ini harus memberi peransang dan semangat kepada ra'ayat di-kampung² dengan mendatangkan fa'edah yang berguna bagi mereka.

Dalam muka 57 Sub-head 69—Co-operative Development Division. Dalam hendak memajukan ra'ayat pada hari ini maka soal Sharikat

Kerjasama ini patut-lah di-perhebatkan perjalanan-nya dengan menambahkan pegawai²-nya. Pada hari ini saya di-fahamkan pegawai² dalam soal perniagaan atau pasaran sangat-lah kekurangan dalam Sharikat Kerjasama. Maka dalam memajukan ra'ayat bagi Sharikat Kerjasama ini maka perlu-lah pegawai² ini melateh dan memberi kursus yang berkesan kepada ahli² Sharikat dalam soal perdagangan yang maseh sangat kekurangan. Soal membangunkan ra'ayat dalam Sharikat Perdagangan harus-lah tidak akan dapat menchapai matlamat-nya sa-kira-nya pegawai² pasaran atau Marketing Officer tidak di-tambah.

Pada hari ini kita di-fahamkan bagaimana ra'ayat kampung telah tertindas oleh pehak pemodal dan saya perchaya dengan jalan Sharikat Kerjasama ini boleh mengatasi kesulitan ra'ayat dan menyelamatkan mereka daripada tindasan pehak pemodal.

Item 94 Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Association. Saya suka menarek perhatian dalam soal buah²an. Saya perchaya pehak Research Branch ini tentu-lah menjalankan beberapa penyediaan bagi membantu dan menolong dalam kemajuan negeri ini. Dalam soal buah²an sa-bagaimana yang kita tahu orang Melayu di-kampung banyak menanam pokok buah²an. Di-sabelah Pantai Timor pada musim buah²an, terutama sa-kali buah rambutan kadang² tidak mendatangkan hasil, sebab banyak-nya buah²an itu hingga tak dapat di-jual-nya. Buah²an itu tidak dapat di-hantar ka-Kuala Lumpur untok pasaran, kerana berjauhan tentu-lah tidak dapat keuntungan. Jadi kadang² buah²an telah membazir sahaja kerana tak dapat pasaran. Saya memberi pandangan ini mudah²an Yang Berhormat Menteri dapat berusaha supaya buah²an ini, terutama buah rambutan dapat di-jual ka-luar negeri dengan chara di-tinkan. Saya mendapat tahu bahawa di-Saudi Arabia buah rambutan ini berharga sa-hingga ada buah rambutan dalam tin di-jual di-sana dengan harga yang chukup

mahal. Maka dalam hal ini saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat mengusahakan mendirikan kilang² dengan chara Sharikat atau sa-bagai-nya jangan terbuang bahkan dapat di-jualkan ka-luar negeri.

Sekarang saya sukachita hendak berchakap tentang Purchase of Goats dan Purchase of Pigs seperti yang tersebut dalam Sub-head 133. Pada tahun yang lalu saya telah menegor ia-itu peruntokan bagi membeli baka babi lebeh banyak daripada baka kambing, tetapi pada tahun ini pula tak ada peruntokan langsung bagi membeli baka kambing. Walhal harga daging kambing di-pasar² maseh mahal. Sa-kira-nya baka kambing ini dapat di-jualkan kapada orang kampung harus dapat membiakkan kambing, dan harus dengan jalan ini harga kambing boleh jatuh murah sadikit.

Berhubung dengan Assistance to Co-operative College saya menguchapkan terima kaseh kapada pehak Menteri kerana dapat peruntokan wang lebeh sadikit ia-itu daripada \$92,940 kapada \$145,000. Tetapi saya merasa \$145,000 ini pun harus tidak menchukupi kerana saya faham Marketing Officer khas-nya dan pensharah (lecturer) tidak chukup dalam Co-operative College ini. Sa-kira-nya peruntokan ini dapat di-tambah daripada \$145,000 kapada \$500,000 harus-lah dapat mengembangkan beneh semangat yang penoh kapada ra'ayat di-kampung dalam sharikat kerjasama ini.

Saya rasa sharikat kerjasama ada-lah perkara yang mustahak di-atas kebangkitan ekonomi ra'ayat dalam negeri ini. Sa-bagaimana yang kita tahu pada hari ini orang kampung terhimpit dan tertindas dalam perdagangan dan perekonomian oleh kepintaran puak² pemodal. Dengan membanyakkan bantuan kapada Co-operative College ini harus sa-bilangan besar orang kampung berlateh dan bekerjasama dalam menikmati Co-operative College ilmu pelajaran ini yang akan menjadi fa'edah besar kapada mereka hingga semangat sharikat

kerjasama ini tertanam dengan sa-penoh kapada tiap² orang kampung. Sa-lagi semangat sharikat kerjasama ini tidak dapat di-tanamkan dengan penoh-nya kapada orang kampung, maka selagi itu-lah kemundoran orang² kampung tidak dapat di-perbaiki, bahkan sharikat kerjasama yang di-dirikan di-kampung² itu tidak menjadi subur hanya hidup segan mati tak mahu.

Enche' Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Pegawai Sharikat Kerjasama dan tugas²-nya seperti yang tersebut dalam Item (363) sampai (379). Saya perchaya pergerakan sharikat kerjasama ini ada-lah memainkan satu peranan yang penting dan besar dalam ekonomi ra'ayat dalam negeri ini, ia-itu menggalakkan ra'ayat menambah pendapatan-nya yang tidak chukup itu. Dengan ada-nya sharikat kerjasama ini semangat guntong-ruyong telah pun di-jalankan ia-itu bekerjasama di-antara satu dengan lain. Maka saya perchaya pergerakan sharikat kerjasama ini pada masa yang akan datang akan menjalankan tugas-nya untuk menambah kehidupan ra'ayat di-kampung dan di-bandar. Saya ada-lah sa-orang yang menyokong sharikat kerjasama ini. Di-Ipoh ada satu Sharikat Perumahan Melayu telah membeli lebeh daripada 1,000 ekar tanah dalam bandar Ipoh, dan dengan usaha dan kerjasama mereka telah mendirikan berpuluh rumah dalam bandar Ipoh dan Taiping. Tertuboh-nya beberapa sharikat ini ia-lah kerana atas kebijaksanaan dan ahli sharikat ini bekerja kuat.

Tetapi elok-lah Kementerian ini memikirkan kalau tuan² sharikat atau pegawai² sharikat ini sebab saya fikir mereka ini tidak dapat; yang di-katakan tidak dapat itu ia-itu berkenaan dengan promotion, tuan sharikat itu telah melambatkan-nya. Dalam estimates ini saya dapati dalam Item (366) Assistant Commissioners for Co-operative Development, pada tahun ini di-untokkan 4 orang, maka ini saya perchaya lantekan ini datang-nya dari

promotion Deputy Registrar. Pada Item (367), tahun 1961 ada peruntukan 9 orang Deputy Registrar, tetapi saya dapat tahu Deputy Registrar yang ada sekarang ada-lah 4 orang sahaja. Jadi, mengapa Kementerian ini melambatkan promotion bagi pegawai² yang memainkan peranan yang penting di-dalam Co-operative movement ini. Dan saya dapat tahu dalam estimate ini juga pada tahun 1961 ada peruntukan 9 orang Assistant Registrar tetapi tahun ini ada 11 orang. Saya dapat tahu yang ada sekarang Assistant Registrar chuma 5 orang sahaja. Maka saya hendak tahu-lah kalau estimate tahun 1961 telah pun kita luluskan dalam Dewan ini mengapa pegawai² ini tidak dapat promotion.

Saya juga dapat tahu di-Ipoh, di-Selangor, Johore dan di-Melaka tidak ada pegawai Co-operative Supervisor; tempat Co-operative Supervisor itu telah pun di-actingkan oleh Co-operative Officer. Sunggoh pun pada masa ini Co-operative Supervisor tidak ada lagi tetapi di-namakan Assistant Registrar dan juga patut-lah tempat ini sa-benar²-nya di-pegang oleh Assistant Registrar. Saya telah pun terangkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong kepada sharikat kerjasama ini dan juga baharu² ini saya melihat di-dalam *Malay Mail* ia-itu keluaran 10 haribulan January, 1962 berkenaan dengan Notice telah di-berikan untuk mengadakan General Meeting menubuhkan satu sharikat chap mengechap di-Kuala Lumpur ini. Saya sangat-lah tertarek hati sebab saya telah tegaskan ini-lah satu jalan yang boleh kita menggalakkan sa-saorang itu menambahkan income dan sebab itu-lah kita boleh dengan jalan Co-operative ini dapat-lah income kita itu naik daripada sekarang. Tetapi saya hendak tahu ada-kah sharikat chap mengechap ini ada mengechap buku² sahaja atau mengechap newspaper baharu? Jika newspaper baharu saya hendak tahu apa bahasa newspaper yang akan di-keluarkan ada-kah bahasa Melayu atau bahasa Inggeris?

Lagi satu saya suka berchakap berkenaan dengan Item (105)—Rehabilita-

tion Loans—pinjaman untuk S.C. Itu ada-lah chara hendak mengambil balek duit daripada S.C. itu. Saya dapat tahu wang itu di-pinjam oleh S.C. kerana hendak berniaga, tetapi malangnya perniagaan mereka itu telah pun bengkerap, maka ta' dapat-lah di-bayar balek kepada Jabatan ini dan terpaksa-lah dia di-saman di-Court. Saya telah banyak kali menyaksikan di-Court orang² yang meminjam ini mesti-lah ada orang² sandaran. Sunggoh pun bagitu, beberapa kali berita² telah pun terjadi dalam kawasan saya ia-itu Warrant² Court telah di-keluarkan dengan melelong tanah²-nya itu dan apabila di-minta tempoh 6 jam untuk orang yang punya tanah itu menchari duit malang-nya S.C. ini ta' tahu apabila masa chukup pukul 11.00 maka lelong pun di-jalankan. Ini ada-lah satu tuduhan yang ta' baik. Jabatan ini bukan tujuan-nya hendak melelong tanah orang itu tetapi saya perchaya tujuan Jabatan ini ia-lah hendak mendapatkan balek duit yang telah di-berikan kepada si-peminjam itu. Jadi, saya harap kepada Kementerian ini supaya mengambil ingatan dan menasihatkan pegawai² yang bertanggung-jawab itu supaya berperi kemanusiaan. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Kalimah berperi kemanusiaan itu.....

Enche' Hussein bin Mohd. Noordin: supaya jangan-lah orang yang mempunyai tanah itu sampai 3 minggu menangis sebab tanah-nya hilang. Wakil ra'ayat di-sana selalu sahaja didatangi oleh orang² mengadakan hal² mereka itu. Saya tidak-lah mengambil masa yang panjang atas perkara ini dan itu-lah sahaja yang dapat saya chakapkan.

Wan Yahaya bin Haji Wan Mohamed (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berchakap sedikit sahaja dalam Kementerian ini ia-itu dalam muka 44 berkenaan dengan Drainage and Irrigation. Perkara ini telah pun pernah saya mengemukakan kepada Kementerian yang berkenaan berhubung dengan sa-batang anak sungai di-kawasan Kemaman yang mengganggu lalu

lalang kapada kapal² kechil yang berulang alek menjalankan kerja menangkap ikan. Jadi, pada hari ini saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil langkah yang segera sebab menerusi anak sungai ini lebeh 200 buah sampan menjalankan kerja-nya sa-hari². Saya pernah menerima rayuan berhubung dengan kesulitan dan kesusahan nelayan² kerana chetek-nya ayer sungai ini, malang-nya sa-hingga kahari ini saya telah dapat jawapan daripada Kementerian bahawa pekerjaan itu tidak dapat di-jalankan.

Jadi, dengan itu saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian berat bagi menjalankan kerja²-nya sa-boleh²-nya dalam tahun 1962 ini. Kedua, saya mengambil peluang berchakap dalam muka 50, "Co-operative Society Development". Sharikat kerjasama yang sa-panjang saya nampak dengan tenaga yang bersungguh² di-berikan oleh Menteri Yang Berhormat itu boleh-lah saya menganggap satu tenaga yang tidak kechil, tetapi bila di-pandang kemajuan sharikat² kerjasama di-Pantai Timor ada-lah gelap. Kalau kita pandang daripada mula-nya memang-lah agak baik, tetapi sekarang ini makin lama makin layu dan sa-makin mundor. Saya tidak-lah hendak mengambil peluang dalam Majlis ini menceritakan satu persatu akan sebab² kemundoran itu. Saya fikir Yang Berhormat tentu-lah tahu di-mana kelemahan² di-dalam sharikat² kerjasama itu.

Saya bimbang dengan kelemahan² itu akan menjadikan satu di'ayah yang sangat burok yang mana tujuan Kerajaan dari mula-nya itu ada-lah baik. Dan sa-hingga sekarang ini saya tidak nampak apa pun yang boleh di-banggakan di-atas kemajuan sharikat kerjasama di-Pantai Timor itu. Jadi, ini-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang dengan ringkas-nya.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong estimate bagi Kementerian

Pertanian dan Sharikat Kerjasama dan di-samping itu, Dato' Pengerusi saya mengambil peluang berchakap beberapa perkara yang penting, sunggoh pun perkara² itu telah di-chakapkan oleh rakan² saya terlebih dahulu. Apa perkara yang saya hendak chakapkan ini chuma untuk menambahkan chadangan mereka yang terdahulu daripada saya. Mula², Dato' Yang di-Pertua, saya masok kapada muka 50, Sub-head 375, berkenaan dengan Co-operative Marketing Officer. Perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, telah pun di-chakapkan dengan panjang lebar oleh saudara saya wakil dari Temerloh. Dato' Pengerusi, hal-ehwal perniagaan itu kalau tidak silap saya telah juga menjadi peperangan, kerana hal-ehwal perniagaan ini saya anggapkan, Dato' Pengerusi, ada-lah satu perkara yang amat besar, manakala perkara itu sangat besar, jadi kita adakan chuma 3 Co-operative Marketing Officer menyelenggarakan-nya ini tentu-lah tidak chukup. Pada pendapat saya, sa-kurang²-nya kalau kita hendak memajukan dalam bahagian ini, tiap² negeri hendak-lah ada satu Marketing Officer.

Dato' Pengerusi, saya meminta ma'af lebeh dahulu kapada Yang Berhormat Menteri, sa-laku Marketing Officer ini mesti-lah di-amati² memandangkan kapada chorak perniagaan dalam negeri kita ini telah pun di-genggam rapat oleh suku bangsa, jadi untuk memecahkan monopoli ini memang sangat susah kalau tidak berhati², kerana sharikat kerjasama ini telah pun berjalan masa penjajahan dahulu. Tetapi, chara sharikat kerjasama sekarang chorak-nya saya fikir telah pun bertukar dengan baik sa-imbang dengan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Dato' Pengerusi, chuba kita pergi umpamanya kapada sa-buah kedai China. Sa-belum kita masok pintu dia sudah memberi salam, dan manakala kita masok di-beri pula rokok atau cherut. (*Ketawa*). Kemudian di-panggil pula minum kopi. Jadi, kalau kita hendak berniaga hendak-lah ikut orang itu. Kata pepatah orang Puteh, Dato' Pengerusi: "When you are in Rome

do as what the Romans do". Jadi, saya harap bukan-lah saya hendak memberi nasihat kepada Marketing Officer, tetapi pendapat saya yang singkat ini saya mengambil peluang dalam Majlis ini untuk memberi fikiran sedikit sa-banyak. Kita patut-nya jangan-lah pakai necktie atau coat, kita hendaklah macham mereka itu juga ia-itu macham orang jual padi itu, sangkut kain di-bahu (*Ketawa*), kalau bagini, baharu-lah tertarek hati mereka, kalau pakai necktie atau coat habis-lah. (*Ketawa*). Ini, bukan-lah saya hendak mempermain²kan, Dato' Pengerusi. (*Ketawa*). Segala gedong yang besar yang di-punyai bangsa Barat mana dia sekarang. Ini bukan-lah orang China itu pandai tipu daya, orang China itu kalau berniaga, ia berniaga betul². Saya juga orang berniaga sa-chara co-operative, umpama-nya saya charterkan bas, saya terus berikan kepada orang yang datang itu 5%, kerana orang lain buat begitu, kalau saya tidak buat saya tidak dapat business. (*Ketawa*). Ini ada-lah perkara yang benar, hendak-lah kita beria² benar, dengan chara ini kita boleh menaikkan sa-betul²-nya taraf hidup ra'ayat.

Dato' Pengerusi, gerakan Co-operative memang baik. Kita telah pun menengok bukti²-nya yang sangat ternyata perkara² yang telah di-buat dan di-menangi dengan chara Co-operative Movement menaikkan taraf perekonomian orang² Melayu. Kita tidak boleh berpelok tuboh mengatakan kita sudah bagus, sudah puas hati. Banyak perkara lagi yang mesti kita huraikan untuk memberi fa'edah kepada ra'ayat. Dengan jalan ini, Dato' Pengerusi, dapat-lah bangsa Melayu pada hari yang dekat sa-kali dudok sama rendah berdiri sama tinggi dengan bangsa² asing. Baharu-lah kita ada aman damai dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Jadi oleh sebab ini-lah, Dato' Pengerusi, orang Melayu lemah dalam satu² perkara umpama-nya pelajaran, kenapa kita lemah, kerana kita tidak ada duit, chuba kalau kita ada duit, tentu-lah Melayu bagus. Sebab itu-lah Kerajaan Perikatan memang sadar memberi bantuan seperti Scholarship dan lain²

lagi. Dato' Pengerusi, kemudian ada pula orang yang mengaku bersharikat kerjasama yang tidak bertanggung-jawab. Sa-malam Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menyatakan ia-itu ia telah membuka sa-banyak 2,500 sharikat kerjasama, ini memang-lah baik.....

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, bukan 2,500, tapi 2,800.

Enche' Tajudin bin Ali: Kalau 2,800, lagi bagus. (*Ketawa*). Jadi diantara itu kalau-lah 50 kita boleh harap orang itu betul mangikut Undang² Sharikat Kerjasama, 100 boleh harap, bila 200 bermacham² boleh jadi. Di-sini, Dato' Pengerusi, saya hendak bawa satu chontoh apa yang telah jadi dalam satu Co-operative Movement. Dalam kawasan saya satu tempat bernama Kubu Gajah, bertalu² memohon satu tapak untuk mendirikan kedai sharikat kerjasama supaya barang² dalam kampung itu boleh dibawa ka-kedai itu di-jual. Jadi kata tuan pegawai tanah itu, ini sudah banyak orang yang meminta, sunggoh pun begitu memandangkan beria² benar permintaan Co-operative Movement itu maka permintaan itu telah di-layan. Kedai pun di-dirikan dengan duit yang di-kutip sa-chara tahun² daripada orang² Melayu tetapi kedai itu siap bukan main chantek, pintu-nya tertutup berbulan² dan akhir-nya orang bangsa lain masok. Jadi begitu-lah keada'an-nya. Di-sini bukan itu sahaja bahkan juga bermacham² chara ber-selindung di-bawah sharikat kerjasama orang² yang tidak bertanggung-jawab menggunakan nama baik sharikat kerjasama yang meruntuhkan sharikat² orang Melayu. Saya harap supaya Menteri yang berkenaan membuat langkah yang tertentu untuk menjaga supaya orang² ini tidak memperdayakan sharikat kerjasama dan menche-markan nama sharikat kerjasama yang baik itu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, satu tapak yang chantek permai di-Taiping berhampiran dengan perhentian bas. Ini saya harap supaya sharikat kerjasama berusaha mendirikan rumah

pasar atau pun apa² juga supaya dapat barang² saperti mana kata wakil Temerloh ia-itu barang² keluar daripada kampung sama ada F.L.D.A. atau mana² supaya terus di-bawa kasitu. Perkara yang susah di-antara orang² kampung kita itu bukan sekarang ini hendak di-tanam atau pun hendak di-adakan barang² itu tetapi apa yang saya katakan tadi dari mula-nya sebab bangsa² yang bergaduh ia-lah fasal hendak menchari pasaran. Jadi kita ini pun tentang hal-ehwal pasaran ini memang satu perkara yang sangat² sulit dan menjadi satu masa'alah yang sangat besar yang timbul pada masharakat orang² Melayu pada hari ini.

Sa-malam Yang Berhormat Menteri telah berchakap panjang lebar berkenaan dengan menangkap ikan Tuna. Ini pun baik juga tetapi saya rasa kita boleh dapat ikan, bila kita hendak pasaran pula akan menjadi satu masa'alah yang besar. Saya teringat di-satu tempat yang telah di-bena oleh Yang Berhormat Menteri kerana hendak berternak ikan yang chantek permai di-Karai. Rumah-nya telah siap, saya tengok orang keluar masok daripada rumah yang chantek itu tetapi ikan-nya ta' ada, ada-kah Yang Berhormat Menteri hendak mengeluarkan ikan atau hendak beli ikan, atau dua². Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri itu.

Saya berpaling pula kepada muka 54 Sub-head 8—Agricultural Shows. Dalam item ini telah pun di-chakap oleh sahabat² saya dengan panjang lebar terutama sa-kali sahabat saya wakil dari Temerloh. Saya rasa Agricultural Shows ini di-adakan pada tiap² tahun yang di-namakan MAHA di-Kuala Lumpur itu ta' memberi fa'edah yang banyak kepada ra'ayat jelata, tetapi dengan cherdek pandai daripada pejabat yang berkenaan, publicity yang banyak maka orang² datang berkumpul dan mereka mendapat keuntongan pula. Sebab tidak ada banyak perkara yang di-tujukan di-situ sa-lain daripada bunga oket—itu orang² kampung ta' tanam. Ta' ada fa'edah langsung bunga oket itu kepada orang² kampung sama

ada Anggerek Kinta atau pun Oket Kinta—no use (*Ketawa*). Kemudian ular sendok dan gajah. Ini ta' ada guna-nya. Jadi saya berpendapat juga saperti wakil Temerloh ia-itu elok-lah Agricultural Shows ini di-adakan pada peringkat negeri masing² dan di-sini keluaran barang² kampung benar² dapat di-tunjokkan.

Saya minta kebenaran berchakap di-atas muka 59 Item (103)—Resettlement of Special Constables. Di-negeri Perak ranchangan besar²an telah pun di-jalankan kerana menempati sa-mula bekas Pasokan Kawalan. Sayang-nya sedikit yang jaya, banyak yang ta' jaya, tetapi kita ta' ada guna-nya berchakap—no use to cry over spilt milk—ta' ada guna-nya lagi. Jadi perkara yang di-sebutkan di-sini ia-lah apa yang patut kita hendak buat di-atas tanah² yang ta' jadi dan sa-bahagian kechil-nya yang jadi itu patut-lah di-ambil belas kasehan dengan memberi galakan kepada penduduk² di-situ, umpamanya dengan memberi beneh² atau baja dan lain² lagi. Saya mengambil contoh apa yang telah terjadi di-kampung Kurnia, Tronoh. Di-tempat itu sangat chantek permai dan di-bagi ta' kurang dari 150 orang buah rumah yang telah di-dirikan, tetapi yang jaya-nya ta' lebeh dari 10 buah rumah. Tanah² kosong itu patut di-beri kepada orang lain atau orang² yang ta' ada tanah atau mata² yang telah bersara. Di-sana bahaya-nya sangat besar, sebab apa kawasan itu lalang. Jadi getah yang di-tanam itu hampir boleh di-potong, barangkali ta' berapa bulan lagi. Tetapi bagi tanah² kosong kalau datang api kesemua kawasan tentu habis terbakar. Oleh itu saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menyatakan dengan tegas-nya dalam Majlis ini apa-kah pendiri-nya berkenaan dengan tanah² yang tidak di-gunakan penoh oleh bekas pasokan kawalan di-negeri Perak khas-nya.

Enche' Too Joon Hing (Telok Anson): Mr. Speaker, Sir, I rise to speak on page 41 Sub-head 1, under Agriculture Division, Research Branch, Item (94)—Soils Scientists. Sir, I presume that these soil scientists are soil

experts or specialists for research on the fertility and suitability of soil for agricultural purposes. Sir, in and around Telok Anson—in Kampong Selaba, Sungei Tunku, Durian Sebatang, Sungei Nebong, Sungei Suri and quite a few others—there are hundreds and hundreds of acres of land planted with oranges for the past ten or fifteen years. Sir, orange growing has all along been a profitable venture to the growers, because the oranges grown in these areas are quite large, sweet and tasty and they fetch good prices. Unfortunately after four or five years the bark of these orange trees tends to become yellow and they begin to wither and die. Whether this is due to some kind of disease or because of the nature of the soil, so far the growers have not been able to find out. I have been informed by the growers that they have appealed to the Agriculture Department seeking their help. But so far they have not been able to receive any assistance. They had even written to the commercial firms which sell chemical products for treating plant diseases. A few years back one of the firms sent a representative down there to investigate, but so far they have not been able to find any chemical remedy or cure for this disease. Mr. Speaker, Sir, the Agriculture Minister on the 4th of October, 1961, gave a talk over Radio Malaya entitled “Agriculture Progress in the Next Five Years”. In the course of his speech, he said—

“My Ministry is doing all it can towards making fruit growing a profitable venture. By the end of the Second Five-Year Plan fruit production will, I am confident, make a significant contribution towards the diversification of agriculture.”

Now, Sir, in Telok Anson in the rural areas orange growing can be a very attractive diversification of agriculture if the Ministry can help with the aid of the soil scientists in the department to remedy these diseases of the orange trees.

I have been informed that from the average acre of a reasonable crop of

oranges at a price of \$15 per picul, the grower can get a return of about \$1,500 per acre per annum. Unfortunately this yellow bark disease is discouraging the growers and some of them who had obtained titles over the land have replanted rubber instead of oranges. Most of the other growers would have followed their neighbours and replanted rubber too had it not been for the fact that the land on which they grow oranges are under T.O.L. As a matter of fact, they have requested me to seek the assistance of the Rural Development Authority to approach the State Government to have the land alienated to them for rubber planting under the rural development land distribution scheme. Mr. Speaker, Sir, it seems quite a pity that these growers get frustrated and discouraged because of the lack of needy assistance from the Government, particularly so when we are thinking of diversification of agriculture. Malaya imports millions and millions of dollars worth of oranges from Australia, California and China each year. Sir, if the Ministry of Agriculture would look into the disease problem and find a remedy to cure this disease, I am sure we can, not only help to save the orange growing venture but also help to establish another good and profitable diversification of agriculture with orange growing. Therefore, may I suggest that the Minister take a personal interest to look into this and give the orange growers all the assistance they need. Should the land prove unsuitable for orange growing, then I suggest that through the Ministry of Agriculture rural development project these lands be recommended for alienation to the growers for rubber cultivation as rubber has been found planted with success in these areas.

Sir, I now refer to page 44, V. Drainage and Irrigation Division. In Lower Perak District there are about 80 Malay, Chinese and a few Indian families living on a part of Kampong Selaba with an area of about 450 acres. These 80 families plant mainly pineapple, some oranges and tobacco.

During the monsoon seasons each year the land for about two or three months is subject to heavy floods and causes great damages to the crops. At the request of the people, the Government has opened a *tali ayer* or a ditch to drain flood water. Unfortunately the *tali ayer* is long and has a lot of windings and it was cut towards high level of the ground, thus making the flow of water very slow and it therefore did not help very much to cut down the floods. During the Japanese Occupation the kampong people use to drain the water through Selaba Estate which has large drains joining the nearby stream. This had helped to solve the flood problem. However, when the management of Selaba Estate returned after the Occupation they closed the outlets again, thus causing the kampong to be flooded once more.

Sir, the flooding of this kampong had adverse effects on the agriculture crops of these people. Time and again the district authorities tried to negotiate with Selaba Estate management to let the flood water run through that estate, but the management refused. Thus the Government was forced to open the *tali ayer* which I have mentioned just now. I have visited the kampong two or three times and have made personal enquiries. I have been told by the people in the kampong that the flooding has been causing damages to the extent of about 30% of their crops. Deepening this *tali ayer* which the Government has opened would not help to solve the flood problem. The only solution is to get permission from the estate to allow the water to run through their estate. I was informed that the reason why the estate refused the use of their estate drains was that it might flood their rubber estate at certain parts. However, I discovered that if a bund is constructed along the low level of the estate along the drain, it might help to avoid flood in the estate. Sir, the annual sale of pineapple alone from this kampong yields about \$120,000 a year to these people and it will be increased by

30% if this flood problem can be solved or remedied by a bund. The cost of constructing this bund for a distance of about 90 chains would be round about \$10,000. I think it will be worthwhile spending this money in view of the annual return to these people there. Here is where the Ministry's rural development project can help to increase the earning capacity of the kampong people. Therefore, may I suggest that the Minister take into consideration all my suggestions and cause an investigation by the Drainage and Irrigation Department in conjunction with the rural development authorities so that a solution may be found to help those people to safeguard their crops and get a better return.

Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Semenanjung Tanah Melayu sa-belum perang dahulu kita dapati banyak jenis buah²an di-dapati dalam Semenanjung Tanah Melayu ini. Tetapi lepas daripada perang yang kedua, kita dapati kebanyakan daripada buah²an yang tumbuh dalam Tanah Melayu ini tidak nampak lagi, seperti buah pulasan, mempelam, buah nona dan buah² yang lain juga. Saya tidak nampak apa sebab buah² itu tidak di-galakkan atau tidak ditanam pada hal kita ada Research Officers. Kalau sa-kira-nya tidak ada benih² itu, pada pendapat saya, kita boleh dapat benih buah salak dari Jambi, langsung dari Palembang atau jenis buah²an di-Tanah Melayu seperti mempelam dari India. Dari sebab itu saya chukup perchaya tanah² dalam Semenanjung Tanah Melayu ini boleh di-tanam dengan buah²an sa-umpama itu. Saya dengar daripada Ahli² Yang Berhormat yang berchakap tadi dalam perkara buah²an mithal-nya rambutan sudah terlampau banyak dan saya fikir tidak-lah pelek negeri² lain juga seperti Australia mengeluarkan buah apple, dari France buah anggor boleh di-jadikan arak. Di-dalam negeri Arab pula buah zaiton boleh di-jadikan minyak, buah kroma boleh di-hantar keluar negeri. Jadi, tidak-lah menjadi kesusahan kalau sa-kira-nya terlampau

banyak kerana buah²an itu boleh di-hantar keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchakap sedikit dalam perkara kebun kelapa. Menteri Kewangan telah menerangkan banyak hasil mahsol dalam negeri ini terutama bijeh dan getah tetapi tidak di-sebutkan kedudukan hasil kelapa yang banyak di-tanam dalam Semenanjung Tanah Melayu ini. Daripada sa-bulan ka-sabulan saya dapati harga kelapa ini terlampau jatuh harga-nya. Saya dapati di-Batu Pahat sana ada sa-orang hartawan, dia telah membuat kilang minyak yang berharga lebih kurang \$150,000 tetapi dengan sebab tidak mendapat sambutan—ta' ada pasaran maka terpaksa-lah kilang yang begitu besar di-tutup. Yang demikian, saya harap Kementerian ini dapat meng-ikhtiarkan harga pasaran kelapa ini, mudah²an harga kelapa ini naik sedikit² dari satu ka-satu masa.

Berkenaan dengan nenas, Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri Johor boleh di-katakan yang banyak sa-kali mengeluarkan nenas. Pada masa musim berbuah boleh di-katakan buah nenas itu terlampau banyak. Kebun² nenas yang besar dapat mengetinkan nenas² tersebut dan di-jual keluar negeri tetapi dukachita saya menyatakan ia-itu nenas² keluaran daripada kebun² kecil tidak mendapat sambutan yang baik daripada semua peringkat dan saya dapati nenas² itu di-buang di-tepi² jalan sahaja. Jadi, di-minta-lah Kementerian ini mengikhtiarkan bagaimana chara atau jalan-nya mendapatkan pasaran bagi pekebun² kecil ini.

Sa-perkara lagi ia-lah berkenaan dengan Agriculture Show atau pun Pertunjukan Tanam²an. Sunggoh pun beberapa Ahli Yang Berhormat telah berchakap dalam perkara ini tetapi saya suka membawa pandangan sedikit tentang pertunjukan yang di-adakan di-negeri masing² dan di-Ibukota Persekutuan Tanah Melayu. Saya dapati pertunjukan dalam negeri masing² itu tidak mendapat sambutan yang baik dan tidak berharga benar². Sebab saya dapati bila di-adakan

Agriculture Show terutama-nya di-mukim², Agriculture Show itu di-adakan tidak pada musim buah²an. Dan sa-tengah daripada sa-tengah-nya untuk memenohkan stall-nya mereka terpaksa membeli buah²an itu daripada pasar² dan di-tunjokkan di-tempat itu. Kalau bagini-lah chara-nya tidak-lah ada satu galakan—lari daripada dasar yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam Agriculture Show ini. Saya perchaya ada-lah tujuan mengadakan per-tunjukan dalam negeri² itu ia-itu dengan menunjokkan benda² yang lebih baik dan hendak di-bawa ka-Kuala Lumpur sebab hendak di-tunjokkan kepada orang² ramai supaya mendapat sambutan yang baik terutama sa-kali dalam perusahaan tangan. Jika sa-kira-nya perusahaan tangan ini di-galakkan dan di-majukan oleh pihak Kerajaan saya chukup perchaya mendapat sambutan—dari bandar² besar.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu harga telur ayam. Pada masa dahulu telur ayam datang dari luar negeri, daripada Siam dan lain² lagi. Kita dapati telur² ini murah, tetapi pada masa ini bila kita sekat telur² ayam itu datang daripada luar negeri masok ka-negeri ini, kita dapati harga telur² ayam ini sudah mahal sedikit. Telor² ayam sudah naik harga-nya dua sen lebih daripada dahulu. Saya harap kepada Kementerian ini dapat mengikhtiarkan supaya harga telur ini dapat di-kurangkan lagi, terima kaseh.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri mengalu²kan perbekalan Menteri Tanam²an dan Sharikat Kerjasama bagi tahun 1962 ini. Saya tidak akan berchakap panjang kerana banyak Ahli Yang Berhormat sudah berchakap tadi. Tuan Yang di-Pertua, hanya satu perkara sahaja ia-itu pada muka 57 Sub-head 70—Co-operative Education, dahulu dia dapat \$40,000 dan pada tahun ini dia dapat \$40,000 juga. Wang ini betul² berguna sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang yang saya tahu pelajaran

berkenaan dengan sharikat kerjasama ini ada-lah di-berikan kepada ahli²-nya di-seluruh negeri yang di-panggil berlateh ka-College Sharikat Kerjasama termasuk juga wanita² kampung. Tetapi di-antara 2,800 buah Sharikat Kerjasama yang di-adakan di-seluruh Malaya ini hanya ada berapa buah sahaja Sharikat yang di-tubuhkan dan di-uruskan oleh wanita sendiri. Saya mendatangkan fikiran di-sini supaya di-banyakk melateh dan mengajar wanita² daripada kampung ka-dalam College Sharikat Kerjasama ini. Kemudian wanita² yang sudah lulus itu di-tugaskan mengajar atau pun melateh wanita² di-kampung dalam perkara sharikat kerjasama. Sa-bagaimana Menteri Muda Pelajaran sudah menyebutkan bahawa Taman Asohan RIDA itu di-tugaskan mengajar di-klas² dewasa di-kampung² berkenaan dengan-nya.

Enche' Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Yang di-Pertua, yang menyebutkan itu bukan Menteri Muda Pelajaran tetapi Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Sa-benar-nya Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar.

Kalau wanita² itu sudah di-berikan pengetahuan dan di-pandu dengan sa-penoh-nya maka wanita² itu akan dapat di-tugaskan untuk memandu musharakat dan juga mereka dapat membentok orang² kampung itu mengubah fikiran dan berfikir dengan chara baharu, berfikir chara merdeka dan juga dapat mengubah chara hidup-nya sa-chara baharu. Sa-kira-nya wanita² itu di-lateh betul² di-beri pengetahuan yang chukup maka sudah tentu wanita² itu akan memberi kerjasama melateh dan mendidek orang² kampung itu dan dengan ini lekas-lah kemajuan di-kampung² itu dapat di-chapai.

Saya dapat tahu sa-masa saya melawat di-Indonesia, di-sana, Tuan Yang di-Pertua, banyak wanita² yang menjalankan sharikat kerjasama dengan maju-nya. Orang² bertambah

banyak mendirikan Sharikat Kerjasama berkenaan dengan kumpul pinjam wang hingga mereka dapat menjaga kampung halaman-nya, menjaga rumah tangga-nya, dan juga sayangkan tanah ayer-nya, sayangkan anak²-nya, sayangkan suami-nya. (Ketawa).

Tuan Yang di-Pertua, untok memberi peluang kepada wanita² ini boleh-lah berhubung dengan Penghulu² dan Ketua² Kampung meminta wanita² yang betul² mahu berlateh dan betul² mahu bekerja bagi memajukan pergerakan ini. Oleh itu sa-kira-nya fikiran dan shor saya ini di-terima oleh pehak yang berkenaan maka saya minta-lah Kementerian ini supaya menambahkan lagi peruntokan \$40,000 ini supaya dapat betul² di-jalankan dan di-laksanakan bagaimana yang saya minta tadi. Jadi, akhir tahun 1962 nanti, Tuan Yang di-Pertua, saya akan petek sa-kuntum bunga raya yang merah berseri, dan di-sematkan di-data Menteri Yang Berhormat. (Ketawa).

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian ini ia-itu di-muka 41. Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang sangat penting kepada orang² Melayu kerana boleh di-katakan 80% penduduk² di-negeri ini pekerjaan mereka ada-lah bersangkut paut dengan Kementerian ini. Saya berasa bangga di-atas tugas² yang telah di-jalankan oleh Menteri Pertanian ini untok hendak mempernaikkan kehidupan orang² Melayu kita dalam perkara tanaman dan lain² lagi dalam negeri kita. Sayang-nya banyak ranchangan² dan tugas² yang hendak di-jalankan oleh Kementerian ini saperti ranchangan baja uria tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan.....

Mr. Speaker: Saya banyak kali telah mengingatkan, ini ada-lah kali yang kedua-nya, jangan di-champorkan dengan general policy. Kita sudah banyak hari membahathkan berkenaan dengan dasar 'am ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Sekarang saya pergi kepada muka 41, di-bawah Research Branch, Item (92),

(93), dan 94—Senior Research Officer dan Soils Scientist. Sa-bagaimana yang telah kita dengar sa-malam bahawa Kerajaan telah sedar di-atas mustahaknya mengadakan beberapa bahan tanaman² yang akan membanyakkan lagi jenis²-nya kerana kita telah tahu bahawa getah sedang mendapat tentangan hebat daripada getah tiruan. Menteri Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa banyak barang² yang sedang di-kaji yang akan di-jadikan bahan baru dalam negeri ini. Tetapi sayangnya satu perkara yang penting ia-itu tentang tanaman pokok tebu tidak-lah mendapat perhatian yang penuh, oleh sebab tebu itu ada-lah satu tanaman yang sangat penting untuk mengeluarkan gula kerana gula ini mendapat international market. Negeri kita sendiri pada tiap² tahun membeli gula itu berpuluh² juta ringgit. Oleh yang demikian sudah-lah tiba masa-nya kepada Kementerian tersebut dengan melalui Senior Research Officer dan Soils Scientist membuat satu penyelidikan yang rapi untuk mengetahui tentang tebu ini dan dapat-lah ditanam dengan sa-chara besar²an.

Saya yakin bahawa penyelidikan ini akan memberi peluang yang besar kepada penduduk² dalam negeri kita ini untuk mendapatkan satu bahan yang baharu di-dalam mata pencharian atau kehidupan mereka itu. Dan saya yakin bahawa yang tebu itu bukan sahaja akan memberi untong yang banyak kepada penduduk² negeri ini bahkan juga akan memberi keuntungan kepada Kerajaan sendiri kerana foreign exchange yang kita membelanjakan untuk membeli gula berpuluh juta ringgit daripada luar negeri. Demikian juga tentang buah cashew nut ia-itu buah janggus atau pun buah *ketere* nama-nya di-Pantai Timor. Tanah² yang berhampiran dengan Pantai Timor sangat-lah subur untuk di-tanamkan buah janggus itu. Saya telah bertanya dengan sa-orang pegawai tanaman di-Kota Bharu, apa-kah tindakan yang telah di-ambil untuk menyelideki di-atas perkara itu, kata-nya Kerajaan telah membawa sa-orang expert atau pakar dari India untuk mengkaji ada-kah tanaman itu akan mendatang-

kan keuntungan yang baik. Sa-bagaimana penerangan yang telah di-beri kepada saya pegawai yang tersebut mengatakan bahawa tanaman² ini tidak-lah akan memberi keuntungan kepada negeri ini daripada dua tiga segi. Satu daripada-nya yang penting ia-lah perbelanjaan-nya itu sangat tinggi. Oleh yang demikian kerana ada-lah expert ini dari India datang-nya, dan India pula telah mengeluarkan *cashew nut* atau janggus dengan sa-chara besar²an ka-Amerika dan penjualan ini ia-lah satu daripada bahan² yang mendapatkan wang ringgit Amerika yang paling besar sa-kali. Mungkin apabila pegawai tersebut menjalankan kajian-nya ia memandang kepada muslihat negeri-nya barangkali telah dapat mempengaruhi pakar yang tersebut tatkala ia mengeluarkan fikiran-nya itu. Saya tidak-lah tegaskan bahawa ia telah mengeluarkan fikiran itu tetapi saya berharap supaya dapat di-undang pakar yang lain pula agar dapat di-kaji masa'alah ini dan muga² pendapat-nya akan beruntong-kapada kita.

Sa-perkara lagi nampak-nya berternak ayam di-pantai timur sangat-lah maju dan kembang, tetapi satu perkara yang saya suka hendak menyebutkan di-sini bahawasa-nya buku yang di-karang dalam bahasa Melayu untuk memberi ajaran² ternakan ayam ini sangat-lah kurang, kerana saya sendiri telah pergi ka-Pejabat Pertanian sana hendak membeli buku ini tetapi di-jawab-nya tidak ada dalam bahasa Melayu chuma yang ada dalam bahasa Inggeris. Di-sini suka-lah saya mengambil bahagian sedikit dalam bahagian Co-operative muka 50 Item (370). Pada tahun yang lalu saya telah mengambil bahagian dalam perbinchangan sharikat kerjasama ini dan saya telah menyebutkan bahawasa-nya Marketing Society ini sangat-lah mustahak untuk memajukan sharikat kerjasama dalam negeri ini. Sa-bentar tadi kita maseh ingat lagi satu penjelasan dari wakil Temerloh yang mengatakan bahawa orang² di-Lembah Bilut sana telah menanam lada atau pun chabai dengan banyak-nya tetapi oleh sebab pasaran itu di-monopoly

oleh satu bangsa maka tidak-lah dapat mereka itu menjual barang²-nya dengan harga yang baik dan akhir-nya terpaksa-lah mereka hanchorkan dan menchabut tanaman-nya sendiri. Di-sini saya hendak menchadangkan bahawasa-nya hendak-lah di-dirikan Marketing Society ini di-bandar² untok menerima barang² yang datang daripada luar bandar untok di-jual barang² mereka seperti chabai dan lain² lagi. Bukan sa-takat itu sahaja bahkan Kementerian ini hendak-lah memberi kemudahan² kapada Marketing Society untok mendapatkan stall tempat menjual barang² dalam pasar itu. Jadi apabila Marketing Society dapat menerima barang² yang jauh dari kampong maka dapat-lah mereka menjual barang² dalam stall itu. Dengan yang demikian dapat-lah di-pechahkan monopoly yang di-cheng-kam oleh puak² itu.

Sa-perkara lagi suka-lah saya hendak berchakap dalam perkara Drainage and Irrigation. Kita tahu bahawasa-nya negeri kita ini kaya dengan sungei yang besar² yang mempunyai ayer yang banyak sa-panjang tahun, dan juga negeri kita ini sa-hingga sampai sekarang ini terpaksa membeli beras daripada luar negeri, kerana hasil beras dalam negeri ini tidak men-chukupi bagi makanan penduduk² dalam negeri ini. Oleh sebab yang demikian saya chadangkan kapada Kementerian tersebut supaya di-banyakkan tali ayer ini Kerana dengan di-banyakkan tali ayer ini dapat-lah di-tanam padi dua kali sa-tahun. Dengan yang demikian dapat-lah menambahkan hasil keluaran padi sa-hingga sampai dapat Malaya men-chukupi untok mengeluarkan beras-padi bagi penduduk² negeri ini sendiri.

Enche' Abdul Samad bin Osman (Sungai Patani): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap yang pertama sekali di-muka 39—Malayan Agriculture Census Division. Item (35) Commissioner \$4,740. Item (36) Deputy Commissioner \$5,892. Yang saya hairan Commissioner ini, saya ingat pangkat-nya lebih tinggi tetapi gaji-nya kurang. Saya minta kapada Menteri

yang berkenaan menerangkan dengan jelas-nya, barangkali saya silap kapada Deputy Commissioner yang pangkat-nya rendah tetapi gaji-nya tinggi.

Perkara yang kedua di-muka 40 berkenaan dengan IV—Agriculture Division, Item (6) Director of Agriculture, Superscale C. Setahu saya Director of Agriculture ini maseh lagi pegawai expatriate dan juga sa-tahu saya pegawai yang memegang jawatan Director pegawai expatriate itu bukan satu pegawai yang tinggi kerana ada juga pegawai Malaya yang berkelulusan maseh lagi belum dapat memegang jawatan itu. Saya hendak bertanya bila-kah jawatan Director itu akan di-penohi oleh pegawai daripada anak negeri?

Perkara yang ketiga ia-lah berkenaan dengan Crop Specialist seperti yang tersebut dalam Item 84. Dalam bahagian ini ada 2 orang yang perbelanjaan-nya di-untokkan sa-banyak \$19,152. Jadi lebih kurang \$800 sa-bulan tiap² sa-orang. Saya suka Crop Specialist ini di-lebuhkan daripada yang ada ini. Saya hendak tahu Crop Specialist ini yang sa-benar-nya bagaimana. Saya minta Yang Berhormat Menteri menerangkan kapada saya. Apa-kah kelulusan (qualification) kedua orang Crop Specialist ini. Adakah chuma mempunyai degree botanist atau ada-kah mereka itu betul² specialist dalam hal crop atau, mithal-nya, specialist dalam hal kelapa, papaya atau padi. Saya minta Menteri menerangkan mereka itu specialist dalam hal apa yang sa-benar-nya.

Sa-lain daripada itu tentang Canning Officer, sa-orang sahaja. Perbelanjaan-nya telah di-untokkan sa-banyak \$6,648 lebih kurang \$545 sa-bulan. Sa-bagaimana yang kita tahu Canning Officer ini sangat-lah mustahak sebab ia berhubung dengan Pineapple Industry. Tetapi saya hairan kalau gaji Canning Officer \$545 sa-bulan bagaimana kelulusan-nya, kerana jika ada orang yang berkelulusan tinggi tentu ia tidak mahu menerima gaji \$545 ini. Saya hendak bertanya ada-kah di-beri kapada orang yang under-qualified sa-bagai Canning Officer? Saya nampak

tentu-lah akan merugikan kita kerana kita tidak dapat research yang sa-benar²-nya yang patut di-jalankan oleh sa-orang yang fully qualified.

Perkara yang keempat ia-lah berkenaan dengan Veterinary Extension and Field Branch (Temporary Posts) telah di-untukkan sa-banyak \$21,028. Boleh-kah Menteri tolong terangkan kepada saya mengapa di-buat "temporary post" pekerjaan mereka itu? Jika pekerjaan itu mustahak mengapa di-buat temporary post? Saya tidak tahu hendak mengatakan dalam perkara ini. Kalau perkara ini mustahak saya fikir lebeh baik buat permanent post.

Perkara yang kelima berkenaan dengan Pest and Disease Control. Rakan saya Yang Berhormat dari Kuala Kangsar tadi telah merungut peruntokan-nya tidak chukup. Saya nampak peruntokan \$12,000 ini sangat-lah kurang kalau kita bandingkan dengan Item 38 di-muka 55 sebab tumbohan² sangat luas. Saya tahu betul² saperti yang saya katakan bagaimana hendak menjaga cherangau, itu pun sangat besar, tetapi yang besar sekarang ia-lah bagaimana hendak menjaga tikus. Dalam negeri Kedah tikus-lah yang banyak sa-kali, dan tiap² tahun banyak wang di-keluarkan untuk membeli ubat rachun tikus. Saya harap Menteri lebehkan peruntokan Pest and Disease Control ini, kerana peruntokan \$12,000 hanya sedikit sahaja yang boleh di-buat untuk Pest Control dalam Persekutuan Tanah Melayu ini.

Sa-perkara lagi tentang Research and Investigations di-untukkan sa-banyak \$25,400 yang mengandongi lima bahagian: (1) Economic Research; (2) Fish Processing and Handling; (3) Laboratory Expenses, Incidentals, Re-agents and Equipments; (4) Maintenance of Nets and Gears; (5) Pond and River Culture. Saya hendak berchakap tentang bahagian (5) Pond and River Culture. Di-tempat saya ia-itu Bukit Meriang itu saya tidak tahu pond-kah atau river-kah. Tiap² tahun ada orang menangkap ikan saperti ikan² keli, haruan dan sepat beratus²

pikul mereka dapat tiap² tahun, mereka menangkap ini sa-lepas memotong padi mereka menimba di-tempat itu—Yang Berhormat Menteri tahu tempat itu, kerana ia ada tanah di-situ. Jadi yang saya susahkan ia-lah ikan di-situ dari sa-tahun ka-sa-tahun kurang, kerana pada masa dahulu orang menangkap ikan itu pakai timba, sekarang mereka itu pakai pump. Barangkali oleh sebab semua ikan telah di-ambil atau entah beneh-nya tidak ada—saya tidak-lah tahu—jadi tiap² tahun ikan itu makin kurang. Maka itu sebab-nya saya minta Menteri mengambil perhatian supaya Research Officer menchari satu jalan dan menasihatkan mereka itu menjaga supaya ikan itu tidak kurang. Kerana ikan ini ada-lah satu mata pencharian yang besar bagi orang² di-tempat itu.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan Benefits in Kind for Special Constabulary telah di-untukkan sa-banyak \$850,000 saperti yang tersebut dalam Sub-head 104. Saya hendak tahu apa ma'ana "benefits in kind" ini adakah memberi tanah atau memberi rumah atau apa? Yang Berhormat dari Larut Utara mengatakan tentang Special Constabulary ini ia tidak mahu berchakap, kerana kata-nya, "No need to cry over spilt mlík". Saya pun tidak mahu berchakap, tetapi di-tempat saya susah, mereka minta beritahu kepada Menteri. Ada 3 ranchangan tanah yang di-berikan kepada S.C. Saya dukachita ketiga² ranchangan ini rosak langsung sampai tanah itu di-jual oleh mereka. Oleh itu saya bersama dengan Yang Berhormat dari Larut Utara meminta Kementerian menimbangkan untuk masa hadapan dan saki baki tanah yang ada pada S.C. itu chari-lah jalan bagaimana untuk memperelokkan-nya atau "He can salvage a bit from what he has failed at least he can have something".

Sekarang saya suka berchakap di-atas Item (129) Agricultural Assistants daripada muka 42 dan Item (125) Assistant Agriculture Officers. Chuma saya hendak berchakap di-sini kerana jawatan Agriculture Assistant ini, orang² yang memegang jawatan ini

ada-lah dari graduate College Serdang. Sa-belum dia dapat di-masokkan ka-College hendak-lah dia lulus School Certificate kelas satu atau dua kadang² kelas tiga. Jadi, hari ini dia masuk bekerja sa-bagai probationer dan dia di-beri peluang untuk dia masuk pereksa sampai tiga kali, dia pass dia di-confirmkan sa-lepas daripada itu dia mark time dan sampai 20 tahun kalau nasib dia baik baharu boleh dapat A.A.O. saperti dalam Item (125) ia-itu Assistant Agricultural Officers dan Special Grade A.A.O. Tetapi kalau nasib dia tidak baik sampai uban puteh pun dia tidak dapat.

Saya hendak berchakap sedikit di-sini kerana saya dukachita sangat banyak pegawai² dalam pejabat ini sudah meninggalkan jawatan-nya—sudah lari keluar daripada pejabat ini. Kalau kita pergi kepada Pejabat Bertanam Getah Semula kita akan dapati 80 peratus daripada pegawai² ini semua-nya datang dari Sharikat Kerjasama. Pergi ka-F.L.D.A. pula kita dapati 100 peratus bekas Pegawai Tanam²an. Apabila saya pergi berjumpa dengan mereka itu saya tengok kawan saya yang sa-sama² dengan saya dahulu di-College. Bila saya tanya kenapa dia lari dari Pejabat Tanam²an, kata-nya, mereka tidak ada prospect. Saya kata boleh-lah perkara ini kita bawa kepada Menteri kita. Kata-nya, Menteri kita leka dengan projek itu, projek ini tetapi satu projek pun tidak nampak dan tidak pula menambah gaji pegawai ini lebeh tinggi lagi serta memberi peluang promotion.

Bukti-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Tanam²an ada sa-orang wakil dari Lipis bekerja sa-bagai A.A.O. sampai daripada rambut-nya hitam hingga-lah rambut-nya puteh dudok di-sana ta' naik². Langsung dia keluar dan masuk dalam Dewan Ra'ayat ini (*Ketawa*). Dan sa-orang lagi Timbalan Menteri Besar Kelantan dia sa-macham saya juga terus masuk politik, bila dia dapat Timbalan Menteri Besar saya pun lari pula masuk di-sini. (*Ketawa*). Saya susah hati benar² atas perkara ini kerana perkara yang sa-macham ini

orang tidak puas hati, sa-orang demi sa-orang lari akhir-nya nanti semua-nya jadi wakil ra'ayat dalam Dewan ini. (*Ketawa*). Saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian kepada mereka ini. Saya bagi satu contoh lagi ia-itu dahulu sa-belum perang ada Pegawai² Expatriate yang tidak ada langsung mempunyai diploma tetapi ada diploma *NADAY* boleh naik pangkat sampai tinggi chuma dengan beberapa tahun sahaja mereka itu bekerja. Kenapa orang kita yang berkelulusan daripada College Serdang ini yang ada kelayakan tidak di-ambil, bukan-lah semua-nya di-ambil tetapi yang istimewa² sahaja? Jika kita beri peluang kepada mereka ini siapa-lah yang akan untong. Jika tidak di-ambil perhatian dalam perkara ini 10 tahun lagi semua orang ini lari keluar pergi ka-F.L.D.A., pergi ka-Rubber Research, pergi ka-Rubber Replanting. Ini kerja tanam²an, Tuan Yang di-Pertua, bukan semua orang ini masuk hari ini dia terus boleh pandai. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya mengambil perhatian, jangan-lah orang² ini lari dari jawatan-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sebarang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak berchakap dalam bahagian Pertanian. Saya dapati Yang Berhormat Menteri telah berusaha dengan giat-nya untuk menambahkan bahan² makanan bagi kepentingan ra'ayat jelata negara ini. Di-antara bahan² itu yang sangat mustahak sa-kali ia-lah padi. Banyak wang telah di-belanjakan untuk membuat tali ayer, membeli baja, menasehat² dan lain² lagi. Tetapi jika kita kaji dengan halus di-atas kehidupan orang² yang menanam padi ini saya berasa sangat-lah sedih oleh kerana sunggoh pun dalam kawasan saya sendiri sekarang banyak sawah² boleh di-tanam padi dua kali pada setahun chuma pendapatan mereka itu hetong panjang sa-banyak \$50 sabulan, ini tidak menchukupi. Oleh yang demikian saya berharap-lah kepada Yang Berhormat supaya adakan-lah satu chara untuk menaikkan taraf hidup mereka itu ia-itu

perkara harga padi. Harga padi jika kita halusi betul² sangat-lah rendah, pada tahun ini \$15 sa-pikul itu pun tidak ada perubahan. Sunggoh pun kita tetapkan harga \$15 sa-pikul tetapi di-belakang-nya apabila peladang² itu membawa padi-nya ka-orang tengah atau ka-kilang², mereka tidak dapat pula harga \$15 malah \$13.50 atau \$14 sahaja. Jadi, dengan ini saya harap-lah Yang Berhormat itu akan berikhtiar dengan sedaya upaya untuk menolong orang² ini bagi mendapatkan harga yang betul. Saya percaya Yang Berhormat itu bersetuju dengan chara ini-lah boleh mereka itu dapat jaminan yang betul atas segala tenaga yang ditumpukan di-atas usaha mereka itu.

Waktu saya melawat ka-negeri Jepun, peladang² di-sana ada-lah di-pandang mustahak oleh kerana sa-belum padi itu masak ada bantuan di-berikan oleh pehak Kerajaan-nya. Pehak peladang ini-lah memutuskan harga padi bagi tiap² tahun dan Kerajaan menguntukkan wang sa-banyak \$60 juta sa-tahun untuk menambahkan harga padi yang biasa di-jual di-dalam pasar. Kerajaan pula memberi galakan kepada peladang² supaya berusaha dengan bersungguh² supaya dapat membanyakkan keluaran padi. Padi² itu di-kumpul oleh Kerajaan—yang di-beli melalui Sharikat Kerjasama² yang mempunyai hak tulin membeli-nya dan lepas itu di-hantar ka-kilang², kemudian Kerajaan menjual-nya kepada ra'ayat jelata. Saya harap Yang Berhormat itu dapat kaji shor saya ini mudah²an dapat jaminan kepada pehak yang sangat² berkehendakkan bantuan dan pertolongan daripada pehak yang berkenaan. Jika Kerajaan boleh membelanjakan berjuta² ringgit untuk bertanam getah semula dengan di-beri bantuan \$600 sa-ekar, saya rasa ini juga boleh di-lakukan. Saya harap dapat perhatian daripada pehak Kementerian ini, terima kaseh.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, sa-telah kita mengikuti perbahathan² dalam Dewan ini nyata-lah peruntukan yang di-berikan kepada Kementerian

Pertanian ini tidak-lah menchukupi. Oleh kerana tidak chukup peruntukan-nya, maka tentu-lah kerja² yang hendak di-kerjakan oleh Kementerian Pertanian ini terbatas. Oleh kerana terbatas-nya maka menyebabkan banyak perkara² yang telah di-kemukakan tadi tidak menyedapkan hati. Musoh yang besar sa-kali kapada sharikat kerjasama yang pertama-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kaum kapitalis, mereka memborong semua perusahaan² ra'ayat dan mereka ada-lah menjadi musoh nombor satu kapada sharikat kerjasama. Sa-lama kaum² kapitalis ini ada di-kampong² maka sa-lama itu-lah sharikat kerjasama di-bawah Kementerian ini tidak akan berjalan dengan baik-nya. Satu chontoh dapat saya kemukakan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu padi, padi ada-lah di-buat atau di-usahakan oleh orang² kampong sendiri. Biasa-nya pembelian di-kampong² padi² sa-lama²-nya mendapat persaingan dengan kaum modal, oleh kerana itu sharikat kerjasama tidak mendapat tempat yang sa-wajar-nya dalam negeri ini. Yang kedua-nya, mithal-nya orang² kampong itu menoreh getah dan bila getah itu di-jual orang lain yang menimbang-nya, orang lain yang meletakkan harga-nya. Jadi kalau pun di-adakan sharikat kerjasama di-kampong² akan mati begitu sahaja atau akan mundur kerana pertentangan dengan kaum modal yang ada dalam kampong² itu. Jadi, kalau-lah dapat Menteri Yang Berhormat itu mengikhtiaran atau bekerja bagi mengurangkan pengaroh kaum kapitalis itu dan menggalakkan pula kerja sharikat kerjasama maka saya rasa harus-lah akan mendapat kejayaan. Akan tetapi sa-lama kaum kapitalis itu di-benarkan membuat kerja-nya atau menjalankan pengaroh-nya di-kampong² maka sa-lama itu-lah sharikat kerjasama itu akan tidak berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang dalam bidang Pembangunan Luar Bandar. Dalam bidang Pembangunan Luar Bandar sekarang ini banyak yang menjadi soal kapada kita dengan kemajuan yang kita buat dan kita harap supaya orang² kampong itu

dapat mengalirkan hasil ternak²-nya, hasil² padi-nya, hasil² tanaman-nya dan lain² lagi berharga lebeh baik, lebeh mendapat sambutan dan lebeh memuaskan bagi petani² itu sendiri. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang bukan benda² yang di-kampung² itu di-bawa ka-bandar, tetapi benda² yang dalam bandar itu-lah yang di-bawa ka-kampung. Jadi penderitaan orang² kampung itu makin lama makin bertambah tidak dapat di-atasi, kalau ada pun padi tidak banyak mana, kalau ada pun pokok² buah²an, mithal-nya pokok rambutan itu pun masam pula, sa-batang pokok durian, sa-batang pokok manggis, sa-batang pokok mempelam, jadi hendak ka-manakan benda² ini. Kita membuat rancangan luar bandar di-kampung² dengan harapan supaya hasil yang di-punyaï oleh orang² kampung itu di-halakan ka-bandar. Ini telah terbalek benda² yang di-bandar itu-lah yang di-halakan ka-kampung² dan ini menambahkan lagi beban orang² tua mereka. Mithal-nya kacang puteh dahulu-nya tidak masuk ka-kampung, dengan ada-nya jalan yang baik maka masuk-lah penjual² kacang puteh ka-kampung² itu. Untuk mengatasi chara hidup orang² kampung itu hendak-lah benda² dalam kampung itu di-bawa ka-bandar, kalau ada rambutan masam hendak di-jual 100 biji 10 sen pun orang tidak mahu membeli-nya. Kalau ada rancangan di-dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini patut-lah menganjorkan supaya orang² kampung mengadakan suatu gerakan beramai² menebang pokok² tua yang tidak berfa'edah hanya menggelapkan kampung² itu dengan di-tanam pokok² lain yang boleh mendatangkan fa'edah kepada mereka. Mithal-nya pokok limau, di-Trengganu ada limau medan, limau langkat, limau ini manis dan elok dan tentu-lah limau ini akan menjadi satu perniagaan yang berkesan dengan melalui sharikat kerjasama.

Sa-kira-nya Kementerian ini dapat menggalakkan orang² kampung menebang pokok² lama dan menanam sa-mula pokok² yang boleh mendatangkan hasil kepada mereka maka saya

rasa dapat-lah dengan ne'emat atau pun dengan hasil² mereka itu di-alirkan ka-bandar² dan dapat menambah mata pencharian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perikanan, saya suka-lah menarek perhatian kepada Kementerian ini ia-itu ikan darat. Sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat telah berchakap ia-itu darihal membela ikan sepat, tetapi tidak tahu-lah saya apa-kah sebab-nya hasil ikan sepat pada tahun ini telah kurang daripada tahun yang lalu. Biasa-nya satu² kolam itu di-buat boleh mendapat hasil kira² 7 pikul, tapi sekarang chuma 1½ pikul sahaja. Yang kedua, saya tidak dapat tahu apa-kah sebab-nya padi di-Sungai Manek itu telah tidak subur. Saya telah bertanya kepada petani² di-sana apa-kah sebab-nya, kata mereka kali ini telah terlambat sedikit menutup kunchi ayer jadi tikus dengan senang dapat merosakkan padi. Saya harap kepada Kementerian ini supaya dapat memereksa kerja² yang di-buat oleh orang² kampung di-Sungei Manek itu apa sebab-nya tidak memuaskan sebagaimana tahun yang dahulu. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perusahaan kayu.....

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1962

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$15,426,674 for Head 12 stand part of the Schedule.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, menyambung perchakapan saya pada tengah hari tadi ia-itu berkenaan dengan perusahaan kayu di-negeri kita ini yang mempunyai kayu² yang

berguna dapat di-jadikan satu daripada mata pencharian ra'ayat negeri ini. Maka pada pendapat saya sharikat kerjasama hendak-lah mengambil bahagian yang terpenting dalam perusahaan kayu di-negeri ini, sa-lain daripada mengeluarkan kayu² yang berguna dan bernilai. Maka ada satu jenis kayu lagi yang telah terbuang disebabkan oleh ta' berguna ia-itu menjadi kayu sayong atau kayu reja. Menurut apa yang saya lihat dalam perusahaan kayu yang telah maju di-Philippines mithal-nya kayu yang ta' berguna itu boleh di-usahakan dengan jentera sa-hingga dapat menjadikan cup-board mithal-nya dan ini dapat di-gunakan bagi fa'edah² orang kampung dan menolong mereka itu membeli kayu² dengan harga yang murah. Saya rasa kalau sa-kira-nya sharikat kerjasama dalam negeri ini dapat membuat projek yang baharu sa-lain daripada projek yang sudah ada sa-kali pun projek yang hendak dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini mendapat ejek²an dengan projek-nya yang banyak, tetapi biar-lah, kalau projek ini di-buat, boleh mendatangkan fa'edah yang lebih banyak kepada ra'ayat kampung, dan projek kilang kayu yang mordan ini patut-lah di-ikhtiarkan.

Bersabit dengan kehutanan ini ada pegawai kehutanan negeri Kelantan ia-itu sa-orang Melayu yang baharu sahaja dudok di-Ulu Kelantan hanya baharu beberapa bulan, belum sampai agak saya satu tahun menurut sa-tahu saya pegawai itu akan di-tukarkan pada tempat lain. Pada fahaman saya Yang Berhormat Menteri patut-lah bertimbang rasa supaya mana pegawai² yang berguna kepada negeri dan orang ramai tidak-lah ia di-tukarkan kepada satu tempat yang lain dalam masa yang sangat pendek. Oleh sebab itu pertukaran pegawai terutama yang saya tahu Pegawai Kehutanan Ulu Kelantan itu biar-lah di-tanggohkan, kerana pada pendapat saya ia sa-orang yang rajin dalam menolong orang² kampung dan menjalankan kerja²-nya dengan betul dan kalau sa-kira-nya ia di-beri peluang bekerja

lama maka saya perchaya fa'edah-nya akan dapat berlipat ganda lagi bagi kemajuan ra'ayat.

Berkenaan dengan tali ayer—Drainage and Irrigation Division. Di-sini saya nampak di-muka 44 Item (195) Technician ada berlebeh 6 orang dalam tahun 1962. Dalam Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah selalu di-dapati kerumitan, sebab saya dan Ahli² Yang Berhormat dalam Rumah ini dengan sendiri-nya menjadi Ahli Jawatan-Kuasa Daerah. Maka dalam Jawatan-Kuasa itu Jabatan D.I.D. menjadi sa-bahagian daripada Jawatan-Kuasa itu dan mithal-nya kita harus membuat ranchangan tali ayer dalam sa-suatu kawasan, tetapi bila kita sudah membuat itu selalu-nya kita akan mendapat tahu bahawa kita kekurangan technician dalam melancarkan gerakan saperti itu. Maka dengan kerana itu saya ucapkan terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah menambah technician dari 11 kepada 15 orang, tetapi kalau ranchangan yang besar saperti Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dapat memajukan pertanian, saya fikir tidak-lah chukup yang ditambah sa-banyak itu sahaja, melainkan patut-lah di-lipat-gandakan lagi supaya jangan-lah mereka itu patah hati. Saperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani, ada Pegawai² Pertanian yang patah hati—patah hati bukan kerana gaji sedikit, tetapi tidak memuaskan hati atau patah hati tentang pendapatan-nya yang terbatas maka lari-lah ka-dalam Ranchangan FLDA. Satu chontoh, sa-orang Agricultural Assistant dari negeri Kelantan, Pegawai ini chukop baik dan peramah, tetapi gaji-nya terbatas dan ta' menchukopi. Kemudian ia minta berhenti lalu berkhidmat dengan ranchangan Kampung Awah. Ia telah mendapat gaji \$800 sa-bulan, kemudian sa-lepas itu ia di-pilih pula menjadi Manager di-Lembah Bilut dengan mendapat gaji \$1,000 sa-bulan. Kalau sa-kira-nya orang² yang samacham ini kita biarkan maka tentulah Kementerian ini akan rugi. Oleh yang demikian saya berharap pada

masa akan datang biar-lah pegawai² yang saperti ini di-tambah lagi dan apa yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi ia-lah peruntukan Kementerian ini memang kurang, walau bagaimana pun kekurangan itu patut-lah di-atasi kalau tidak mereka akan lari ka-tempat² lain.

Berkenaan dengan tali ayer pada tahun yang sudah saya dahulu pun sudah berchakap. Ada kawasan sawah yang boleh di-katakan luas dan mendatangkan hasil pada orang² yang mengusahakan-nya, tetapi oleh kerana tali ayer itu kurang berseh atau pun muara sungai tertutup maka dengan tertutup-nya muara sungai, itu akan menyebabkan sawah padi itu tenggelam dan apabila tenggelam sawah padi tidak akan mendatangkan hasil yang lumaiyan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan ia-itu waktu Tuan Yang di-Pertua sendiri mengetahui satu rombongan ka-India dahulu kita ada melawat satu tempat yang dinamakan emporium di-New Delhi dan Kashmir tentu-lah kita sudah nampak bahawa kegiatan (active) Kerajaan dalam mengumpulkan perusahaan di-kampung² sangat giat di-lakukan, sa-hinggakan di-mana pun kita pergi kita akan berjumpa emporium yang mana di-penuhi dengan perusahaan² orang kampung. Dan kalau kita membeli benda ini di-New Delhi sama harga-nya di-waktu kita pergi di-satu tempat dalam kampung. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa sharikat kerjasama mengambil bahagian yang penting di-negeri itu, dan baharu² ini Menteri Sharikat Kerjasama telah pergi ka-India dengan belanjanya sendiri; tentu-lah beliau telah memperelajari bagaimana project itu boleh berjalan dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah di-Malaya ini kita dapat membuat saperti itu (emporium) mithal-nya, dengan mengumpulkan, membeli semua perusahaan orang² kampung saperti kain batek di-Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, kain batek kita di-Kelantan sekarang ini kalau sharikat kerjasama tidak mahu merebut-nya akan di-rebut oleh orang

yang berfaham kapitalis. Kapitalis² ini memberi wang kepada orang² Melayu kemudian tenaga dan usaha orang itu di-bayar dengan harga hari², dan barang²-nya di-ambil kemudian di-jual ka-luar dengan mendapat untong yang berlipat ganda oleh pemodal². Sebab kita tidak mempunyai satu perusahaan bagi mengumpulkan perusahaan mereka itu ka-dalam satu tempat yang menjamin usaha mereka itu boleh berjalan lama. Orang kita ini bukan tidak pandai, mithal-nya, membuat anyam-menganyam dan tekat-menekat. Dalam negeri Perak ia-itu negeri saya sendiri, tekat-menekat itu nombor satu, boleh challenge dengan lain² negeri kepandaian-nya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka itu tidak di-galakkan dan sharikat kerjasama tidak bekerja keras dalam menggalakkan mereka ini dalam tekat-menekat—chuma kalau datang orang luar—kita suroh mereka itu buat—kita hadiahkan-lah dan Ah! Ini-lah perusahaan barang kami. Sa-bagai satu gambaran, tetapi bukan menjadi mata pencharian. Orang² tua di-kampung boleh menjalankan kerja yang saperti ini kalau sa-kira-nya ada pasaran-nya.

Marketing Officer yang di-sebutkan oleh sa-orang Yang Berhormat tadi yang meminta jangan-lah memakai necktie kerana ini susah. Pada pendapat saya Marketing Officer ini bukan-lah kerja-nya hendak memberi rokok kepada orang, bukan-lah pula kerja-nya hendak menjual. Tetapi ia ada-lah merupakan sa-orang pegawai yang memberi nasihat atau pun membuat ranchangan². Apa yang di-sebutkan-nya itu bukan Marketing Officer, yang di-sebutkan-nya itu boleh jadi orang kita Melayu, bila sudah ada wang sedikit dan telah maju dalam perniagaan-nya, mereka mula-lah sombong, sa-hingga sa-batang rokok pun ia tidak mahu beri kepada orang yang datang membeli-membelah di-kedai-nya. Dan bukan sahaja kita hendak salahkan kepada orang Melayu yang berniaga itu tetapi kepada orang Melayu yang membeli itu, sebab orang Melayu bila sudah buka kedai, kata nya ada harapan kita berhutang dapat. Mereka ini berhutang beramai² di-situ.

Bulan yang pertama ia bayar, bulan yang kedua bayar, bulan yang ketiga bayar sa-tengah, bulan yang keempat bayar suku, masok bulan yang kelima ia tidak bayar langsung dan masok bulan keenam ia ikut jalan belakang. Tinggal-lah kedai Melayu itu terbengkalai begitu sahaja. Ini-lah yang menyebabkan mati semangat co-operative, semangat guntong-ruyong, dan semangat kerjasama bagi orang Melayu belum-lah timbul lagi, dan ini bukan-lah salah Marketing Officer, tetapi kesalahan semangat, kesalahan yang terbit daripada kurang pendidekan dan kurang-nya pengertian dalam soal sharikat kerjasama. Oleh sebab itu saya harap Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini patut-lah mengadakan Jabatan Penerangan, khusus untuk menerangkan kepada ra'ayat kebaikan-nya, dan menerangkan kepada ra'ayat keburokan-nya kalau sa-kira-nya orang ramai tidak mengambil peluang dalam sharikat kerjasama ini. Dan saya yakin benar, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya sharikat kerjasama ini dapat memberi kerjasama-nya, dan saya pada tahun yang lalu ada memberi jaminan bahawa kami di-sini akan memberikan kerjasama dengan Menteri kalau sa-kira-nya kami di-kehendaki untuk memberi penerangan ka-kampung: betapa dan bagaimana mustahak-nya sharikat kerjasama ini di-jalankan.

Walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, pegawai² dalam daerah yang di-tempatkan oleh Kementerian ini hendak-lah juga tahu bahawa tanggong-jawab-nya bukan-lah hanya "makan gaji", tetapi tanggong-jawab-nya ia-lah bagaimana hendak memajukan sharikat kerjasama. Memajukan sharikat kerjasama itu bukan sa-mata² kita hendak odit perbelanjaan: Berapa keluar, berapa masok, berapa rugi atau berapa untong—bukan itu sahaja tetapi kita ingin melihat perjalanannya dari masa ka-masa. Kalau kita tidak menggalakkan pegawai ini untuk memberi pelajaran dan pendidekan kepada orang itu maka sharikat kerjasama ini akan jatoh. Tidak chukup, Tuan Pengerusi, kita hantar pegawai itu ka-Kolej Sharikat Kerjasama di-Kuala

Lumpur ini satu dua bulan, kemudian mereka balek, tetapi yang chukup-nya ia-lah mendidek orang itu di-tempat itu sendiri dengan teori di-tempat itu sendiri, sebab itu-lah yang mustahak-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh soal Agriculture Shows sebab telah banyak di-chakapkan oleh rakan² saya tadi, tetapi sadikit sahaja saya hendak tambah ia-itu peruntukan \$4,500 ini saya minta ditumpukan kepada daerah di-kampung. Mithal-nya, sekarang ini kita telah memberi kambing, ayam 5 ekor sa-orang kepada orang kampung. Jadi patut-lah di-adakan pertunjukan: Ayam 5 ekor yang di-beri kepada kamu itu bagaimana besar dan berat-nya? Kemudian kita beri mereka hadiah walau pun 5 ekor—tidak apa! ada juga fa'edah-nya. Sebab saya tahu ada pemberian 5 ekor ayam ka-kampung². Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pemberian ayam 5 ekor pada tiap² orang itu tidak perektikal, kechuali dengan bentok sharikat kerjasama, ia-itu di-buatkan satu sharikat kerjasama kepada orang kampung, ayam itu di-beri banyak² ini baharu-lah berhasil, kerana kalau 5 ekor sahaja apabila ayam itu telah chukop berat-nya satu dua kati di-sembeleh-nya, habis cherita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat satu cherita di-Lembah Bilut, di-sana ada di-galakkan supaya penduduk² menternak kambing dan lain². Tetapi ada sa-orang hamba Allah—tidak payah-lah saya sebutkan nama hamba Allah itu—telah membuka tanah di-situ dan telah memelihara kambing sampai 80 ekor, bila sampai 80 ekor orang itu nampak-nya sudah tegap, tidak payah di-bantu, wang sudah banyak, ayam dan kambing sudah banyak, tetapi pegawai di-situ marah-kan dia: Kamu datang ka-sini bukan orang miskin, kamu orang kaya, kamu ada 80 ekor kambing. Kamu misti jual. Terpaksa-lah di-jual kambing itu, sebab bagaimana hendak di-beri makan, hendak di-lepaskan tidak boleh. Jadi kambing itu, Tuan Yang di-Pertua, chara kebetulan telah di-beli oleh

rakan saya, ada kambing itu sekarang, di-pelihara-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, galakan kapada orang ini biar-lah dengan sa-benar-nya supaya mereka jangan bantut semangat-nya sa-tengah jalan, kalau bantut sa-tengah jalan, tidak-lah ada harapan bagi mereka merubah nasib.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak chakapkan, perkara yang lain itu sudah di-chakapkan oleh rakan² saya.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri ada-lah mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama bagi tahun 1962 ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok Anggaran Perbelanjaan bagi tahun ini kita dapati hanya lebeh \$560,000 daripada perbelanjaan Kementerian ini bagi tahun 1961. Pada pendapat saya dan keterangan² yang telah di-kemukakan oleh sahabat² saya daripada Yang Berhormat² sama ada daripada parti Perikatan atau pun parti pembangkang, ia-itu Kementerian ini, ada yang sa-tengah mengatakan supaya di-lebihkan pegawai² di-dalam Kementerian ini terutama-nya di-dalam Pejabat² Tanaman. Dan ada pula yang membuat chadangan supaya Kementerian ini memberi ternakan hidup²an kapada orang² kampong untuk meng-alakkan orang² kampong supaya berusaha untuk menternak hidup²an. Jadi, dengan ada chadangan² saperti ini pada pendapat saya ada-lah perbelanjaan yang lebeh \$560,000 ini nampak-nya tidak mencukupi dan dengan sebab itu saya berharap kapada Kementerian yang berkenaan chuba pula menchari jalan dengan apa chara-nya supaya perbelanjaan ini dapat menunaikan permintaan² atau pun chadangan yang kita telah dengar baharu² ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap sadikit di-dalam muka 50 di-bawah Co-operative Development Division berkaitan dengan pasaran membeli dan menjual padi.

Tuan Yang di-Pertua, harus semua Ahli² Yang Berhormat di-dalam Rumah ini tahu ada-lah di-jajahan Krian satu jajahan yang besar yang mengeluarkan hasil beras atau hasil padi daripada negeri² yang lain di-kechualikan Kedah. Di-masa² yang sudah², Tuan Yang di-Pertua, ada-lah jualan padi atau pun pembelian padi kapada kilang² padi daripada orang bertanam padi, melalui orang tengah atau pun dengan jualan middleman ia-itu orang tengah. Dia-lah membeli padi daripada orang kampong dan menjual ka-kilang² padi. Dengan keada'an bagini di-dapati; saya pun memikirkan ada-lah pendapatan orang bendang yang berusaha untuk mengeluarkan padi tadi tidak mendapat satu pendapatan yang kita fikir munasabah dengan tenaga dan usaha yang di-buat oleh orang bendang itu.

Baharu² ini Jabatan Kementerian Tanaman dan Sharikat Kerjasama sudah mengambil satu langkah ia-itu mengawal untuk kilang² itu membeli padi dengan tidak berlicence sa-bagai-mana yang di-jalankan pada masa² yang sudah. Segala padi² itu di-beli oleh Sharikat dan daripada Sharikat itu-lah padi ini akan di-jual ka-kilang² dan ahli² daripada Sharikat ini juga akan mengambil licence untuk membeli padi² itu. Tetapi kalau sa-kira-nya orang² yang tidak mempunyai licence tidak di-benarkan membeli-nya, sebab-nya, ada-lah tujuan Kementerian ini ia-lah untuk mengawal menjual padi² ini ka-kilang² melalui sharikat, dengan jalan atau pun dengan chara ini boleh-lah melebuhkan pendapatan ahli² bendang yang berusaha di-dalam mengeluarkan padi.

Saya berharap mudah²an ranchangan ini akan berjalan dengan elok untuk fa'edah orang² tani. Sungguh pun begitu saya suka menarek perhatian kapada Yang Berhormat Kementerian ini ia-itu sa-tahu saya sa-belum-nya padi² itu di-ketam atau sa-belum padi² itu masak kebanyakan orang² bendang selalu menggunakan wang ia-itu saperti membeli guni, membuat tong dan sa-bagai-nya. Kelaziman orang² bendang meminjam wang bukan dari kilang² tetapi daripada peraeah atau pun

middleman yang membeli padi² mereka itu. Di-sini saya berharap perkara ini hendak-lah di-atasi dengan sa-berapa segera. Jika sa-kira-nya perkara ini tidak dapat Kementerian ini mengatasi dengan sa-berapa segera dengan ranchangan yang baik ini sudah tentu tidak dapat di-jalankan dengan sempurna.

Satu daripada perkara yang saya suka shorkan ia-itu Kementerian ini hendak-lah memberi arahan kepada Sharikat² atau pun Bank Agong Sharikat Kerjasama ia-itu meminjamkan wang kepada sharikat² sa-kurang²-nya sa-bulan dahulu daripada padi itu dapat di-tuai. Jika sa-kira-nya perkara ini tidak dapat di-jalankan sa-bagaimana saya katakan tadi harus barangkali ranchangan yang elok ya'ani untuk memberi fa'edah kepada orang bendang akan terbenkakai dan akan kechiwa.

Sa-lain daripada itu saya suka berchakap di-atas muka 54 Sub-head (12) Pest and Disease Control. Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya di-dalam jajahan Krian banyak penyakit² yang terkena kepada pokok² padi ia-itu saperti tikus, chendanau dan lain² lagi. Dalam pada itu ada pula satu penyakit di-panggil di-Krian ia-lah penyakit merah. Penyakit merah ini selalu ada di-dalam jajahan Krian merosakkan pokok² padi. Tetapi penyakit ini belum lagi di-rasai oleh petani² sa-bagaimana yang terjadi pada tahun ini. Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri sudah menyaksikan di-atas kerosakan ini di-masa Yang Berhormat itu melawat di-tempat perhubungan padi Titi Serong di-mana kerosakan 20 ekar padi luas-nya tanah bendang di-tempat perhubungan itu tidak begitu elok. Tetapi ada satu tempat yang sangat terok dan sangat menyedehkan hati ia-itu ada kawasan yang luas-nya 2,500 ekar. Di-dalam lawatan saya itu saya dapati daripada 2,500 ekar itu, 70 peratus daripada-nya terkena penyakit ulat merah ini. 15 peratus daripada-nya yang terkena ulat merah ini, padinya dapat di-kutip di-antara 100 atau 150 gantang 1 acre dan 60 peratus pula hanya boleh di-kutip dalam 10

gantang satu acre. Sa-tahu saya belum pernah lagi terjadi-nya kerosakan pokok² padi yang begitu terok yang terkena penyakit ulat merah ini pada tahun ini.

Saya sudah bertanya kepada Pegawai Tanaman bagi Jabatan Krian apakah satu chara yang boleh untuk menyelamatkan atau pun untuk mengelakkan penyakit² itu daripada menyerang pokok² padi. Jawapan-nya yang di-beritahu kepada saya pada masa ini penyakit itu belum dapat lagi di-atasi hanya untuk di-siasat. Jadi dengan keada'an ini saya berharap-lah kepada Yang Berhormat supaya mengambil suatu langkah yang tegas bagaimana chara²-nya supaya perkara² tentang penyakit ini dapat di-atasi, dan jangan terjadi lagi bagaimana yang terjadi pada tahun ini dan di-sini juga saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Tanaman ia-itu supaya Pejabat Tanaman ini menchari satu jalan untuk menolong dengan apa chara juga kepada ahli² tani yang mendapat kesusahan itu. Saya takut jika tidak mendapat pertolongan daripada Kerajaan mungkin banyak daripada ahli² tani itu menanggung kesusahan bukan sahaja kepada diri mereka, bahkan kepada anak-pinak mereka jua. Di-sini sa-kali lagi saya meminta dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil satu langkah dengan apa juga chara-nya bagi mengatasi penyakit ini supaya jangan terjadi pada masa yang akan datang. Dan kedua mengatasi hal² kesempitan dan kesusahan penduduk² ahli² tani di-kawasan saya yang saya sebutkan tadi.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Pengerusi, saya menompang bersama² dalam perbahathan ini sambil mengalu²kan peruntukan dalam Kementerian ini. Saya juga telah mengikuti atas ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian sa-malam dan telah juga di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya berchakap ini hanya untuk menambah yang mungkin memberi fa'edah kepada ra'ayat dan juga jabatan ini. Saya chuma hendak menarek

perhatian di-muka 44, berhubung dengan Jabatan Tali Ayer atau mendalamkan parit anak² sungai itu, terutama bagi negeri Johor yang mana pada masa ini berjalan dengan pesatnya dan banyak sungai² yang telah saya kemukakan dalam Dewan ini telah dapat perhatian Kerajaan, dan juga telah di-laksanakan pada tahun yang lalu. Chuma saya hendak menarek perhatian Menteri Pertanian satu sungai yang saya telah chakapkan dahulu belum lagi mendapat perhatian, sungai itu ia-lah sungai Kesang. Sungai Kesang itu jauh-nya 28 batu, kira-nya pehak Kerajaan dapat mendalamkan sungai itu saya memahamkan bahawa kemudahan itu bukan sahaja daripada orang² tani dalam negeri Johor, tetapi juga petani² dalam Negeri Melaka yang berhampiran dengan sungai itu.

Sa-lain daripada itu saya gemar menarek perhatian bahawa dalam Dewan ini saya telah menyatakan satu soal yang berhubung dengan sungai itu, bagi pehak yang berkenaan telah menjawab pada masa itu pehak jabatan itu telah mengambil kuasa aleh membersehhkan sungai² itu. Saya pernah melihat orang² yang menoreh getah di-kawasan itu mengarongi ayer, jadi saya harap-lah perkara ini dapat di-jalankan dalam ranchangan 5 tahun yang kedua ini. Kalau tidak tentu-lah kemelaratn pekebun² itu tidak dapat kita atasi. Dato' Pengerusi, saya beraleh dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian ia-itu berkenaan dengan perusahaan pemeliharaan binatang². Dalam hal ini adalah di-beri sambutan yang baik dan kerjasama daripada penduduk² luar bandar dalam negeri Johor dan saya dapat tahu daerah Muar sana beratus² orang menternak kerbau, kambing, ayam dan lembu. Jadi saya mengharap-kan dengan ada-nya sambutan yang baik daripada penduduk luar bandar di-negeri Johor, mudah²an Kementerian ini melebuhkan peruntokan-nya kepada negeri Johor daripada tahun yang lalu.

Berhubung dengan ayam yang diberikan kepada negeri Johor tidak-lah

bagaimana yang di-katakan oleh salah sa-orang Ahli Yang Berhormat chuma lima ekor sahaja, tetapi bagi pehak kami di-sana menerima sa-banyak 50 ekor anak ayam. Sa-lain daripada itu saya menguchapkan terima kaseh juga kepada Kementerian ini kerana daerah di-kawasan saya telah dapat menerima kerbau 87 ekor dan lembu 40 ekor. Sa-lain daripada itu Kerajaan telah juga membuat satu kawasan untuk menanam rumput ragut dalam negeri Johor, satu di-Endau dan satu di-Tangkak. Kawasan ini luas-nya 200 ekar sekarang ini sedang di-tanamkan rumput ragut itu, saya bagi pehak ra'ayat di-kawasan ini sangat-lah menerima kaseh kepada Kementerian ini melaksanakan bantuan² yang telah di-sampaikan-nya. Sa-lain daripada itu saya menarek perhatian dalam Jabatan Perikanan. Saya chuma hendak menarek perhatian dalam ranchangan memelihara ikan ayer tawar atau ikan darat. Hal ini saya mengharap-kan kegiatan Kementerian ini supaya mengambil langkah memulehkan samula pemeliharaan ikan darat kepada penduduk² luar bandar dalam seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini yang mereka pada masa dahulu ada membuat kolam menghidupkan ikan telapia. Tetapi malang-nya ranchangan ini telah gagal, di-kata-nya ikan ini telah ghaib. Jadi, saya harap pehak Kementerian ini dapat menyiasat dan memberikan mereka nasihat kepada mereka yang ada kolam supaya dapat menghidupkan ikan itu bagaimana ranchangan Kementerian itu. Saya baharu² ini bersama² dengan Pegawai Perikanan dalam kawasan saya tidak kurang daripada 48 kolam, 2 kolam di-punya'i oleh orang Tiong Hua, dan Pejabat Perikanan telah memberi jaminan akan menguntokkan ikan sa-banyak 7,000 ekor di-beri dengan perchuma sahaja, dan pemuda² di-kawasan saya dengan ada-nya anak ikan ini mereka bergiat membuat kolam untuk memelihara ikan itu. Sa-lain daripada itu saya juga mengharap-kan kepada jabatan ini supaya membiakkan baka ikan sepat di-sawah padi. Baka ikan sepat ada-lah memberi satu pertolongan kepada penanam padi. Saya nampak hal ini chuma berlaku

di-sabelah Barat sahaja. Saya harap-lah ranchangan itu akan sampai di-negeri Johor sana.

Dato' Pengerusi, dalam usaha ranchangan ikan telapia itu saya merayu-lah kepada yang Berhormat Menteri Pertanian ini membasmikan satu keperchayaan bagi orang Melayu yang menternak ikan telapia itu, kata-nya di-bawa oleh mambang (*Ketawa*). Ini, Dato' Pengerusi, saya telah mendengar konon-nya.....

Mr. Speaker: Dari hantu pergi ka-mambang pula. (*Ketawa*).

Enche' Ahmad bin Arshad: Oleh sebab Dewan Ra'ayat mengkemukakan bagaimana gambaran ra'ayat di-kampong², jadi keperchayaan ra'ayat dengan mambang ini (*Ketawa*) menjadi satu sebab yang menekan mereka dan tidak mahu lagi menghidupkan ikan, dengan ada-nya pegawai² yang menyiasat dan menyelideki serta memberi nasihat kepada mereka itu supaya mereka tidak perchaya kepada tahyul yang sa-umpama itu. Ada orang mengatakan bahawa ikan telapia itu terbang pergi ka-sungai Nile sana (*Ketawa*), sebab ikan itu berasal daripada Afrika. (*Ketawa*). Ada lagi yang mengatakan bahawa President Mohd. Nasir menjadikan ikan telapia ini hak negaranya (*Ketawa*), ini keperchayaan orang² kampong. Pada akhir-nya saya menguchapkan lagi terima kaseh kepada Kementerian ini sebab dapat membuat dua buah Sekolah Latehan Pertanian dalam negeri Johor pada tahun yang lalu dan salah sa-buah Sekolah Latehan Pertanian itu di-buatkan dalam kawasan saya di-Tangkak. Jadi apa yang saya maksudkan di-sini. Sekolah itu boleh memuatkan 20 orang penuntut, tapi saya tengok penuntut² pada tahun yang lalu hanya di-berikan kepada penuntut² lelaki² sahaja. Saya mengharapakan di-beri pertolongan kepada wanita² juga yang aktif dalam bahagian pertanian ini.

Ini pada akhir-nya saya berchakap ia-itu saya mengharapakan supaya Kementerian ini menghantarkan pegawai² expert-nya menyelideki tanah

tinggi ka-Gunong Lidang supaya dapat tanah itu di-tanam teh, kobis sa-bagaimana yang boleh di-buat di-Cameron Highlands dan juga tanah tinggi di-Gunong Lidang ini mungkin juga boleh di-tanam anggor.....

Mr. Speaker: Dudok dahulu! Saya baharu tadi terangkan ia-itu kita berbahath di-atas peruntokan yang ada di-hadapan ini berkenaan dengan dasar 'am. Kita sudah bahathkan tiga hari. Saya takut perkara yang sa-macham ini di-bawa pada atas dasar 'am—itu jangan di-champorkan. Dua² perkara itu berlainan.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, sekian-lah terima kaseh.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol): Tuan Yang di-Pertua, saya sa-benar-nya ta' hendak tegor terhadap peruntokan wang Kementerian ini chuma hendak memberi pandangan sedikit sahaja berkenaan dengan perkara² yang saya fikir patut mendapat perhatian Kementerian ini. Pada pendapat saya sunggoh pun urusan jabatan² dalam Kementerian ini berjalan dengan baik, tetapi ada juga di-dapati tidak ada saling mengerti atau persafahaman dan kerjasama di-antara satu pejabat dengan pejabat yang lain, mithal-nya, satu perkara telah terjadi di-kawasan saya sana ia-itu di-batu tiga Kuala Pilah, satu kawasan sawah lebeh kurang 40 ekar tidak mendapat ayer kerana tali ayer atau pun saloran ayer itu telah tersumbat dan ayer pemetong-nya lalu di-bawah jalan raya. Perkara ini telah di-usahakan dan di-suarakan beberapa kali oleh Penghulu sana meminta kerjasama Pejabat Tali Ayer dan P.W.D. supaya perkara itu di-betulkan. Perkara ini sudah berjalan sampai satu tahun tidak ada keputusan akhir-nya. Pada hari itu perkara ini telah saya bawa sendiri dalam meshuarat Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar daerah Kuala Pilah. Di-situ saya dapati dua² pegawai itu ada dan apabila saya tanya kepada Pengerusi Jawatan-Kuasa itu dua² pegawai itu mengatakan itu bukan tanggong-jawab mereka dan lagi satu pula mengatakan bukan tanggong-jawab dia. Jadi saya nampak Pengerusi

Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar itu serba salah dan akhir-nya perkara itu terpaksa di-sampaikan ka-atas, hingga sampai sekarang ini sawah itu belum mendapat ayer. Ini ada-lah di-harapkan oleh orang² kampung kerana kalau sawah itu ta' ada ayer dan sa-suatu permintaan itu sampai bertahun² maka orang² kampung juga yang mendereta.

Satu perkara yang saya nampak yang di-hadapi oleh peringkat Ran-changan Luar Bandar itu ia-lah berkenaan dengan pasaran keluar barang² di-kebun itu—pasaran hasil daripada Ranchangan Luar Bandar. Ini menurut keadaan yang ada sekarang ini beratus² ekar tanah telah di-buka dan hasil-nya banyak, kemudian tidak ada tempat di-mana orang² itu hendak menjual. Ada juga nampak-nya orang pelanggan datang beli di-situ tetapi harga-nya sangat murah atau boleh di-katakan terlampau murah di-mana ta' dapat di-jual oleh kedai² lain, dan orang² di-tempat itu ta' dapat keluar beli barang² dengan harga yang sama sedangkan barang yang ia buat itu atau barang yang di-jual itu murah harga-nya manakala barang ia beli ter-lampau mahal. Jadi chara yang baik untuk mengatasi-nya ia-lah supaya Kementerian ini mengadakan atau menggalakkan sharikat kerjasama di-tempat yang sa-umpama itu. Nampak-nya makin terdesak di-tempat saya sana ia-itu tanah baharu di-buka beribu² ekar dan pada masa akan datang akan di-buka 15,000 ekar lagi, jadi kalau tidak di-atasi dan persediaan tidak di-buat pada masa sekarang juga, nanti orang² yang pindah yang merasa hasil-nya yang di-harap untuk kehidup-an mereka itu akan kechewa, dan saya harap dengan kebaikan hati Menteri kita supaya dua perkara yang saya sebutkan itu akan dapat di-ambil perhatian.

Enche' Hanafi bin Md. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan perkara Kementerian yang berkenaan ini. Pada keseluruhan-nya Anggaran Belanjawan ini saya menyokong penuh

dan menguchapkan terima kaseh banyak kepada Menteri ini. Sa-lain daripada itu saya hendak berchakap sedikit lagi ia-itu berkenaan dengan Item (99) Canning Officer di-muka 41. Kita Ahli² dalam Dewan ini telah ber-chakap tadi berkenaan dengan buah²an. Jadi banyak telah di-ambil buah²an bagi di-usahkan kerana kekurangan kita di-sebabkan ia-lah pasaran. Jadi pada fikiran saya kalau kita dapat fikirkan satu chara sa-lain daripada kita makan buah itu dengan memakan terus dan kita chari satu jalan apa-kah yang dapat kita buat daripada buah²an itu sa-lain daripada mengetin yang mana kita buat sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya berasa sedih dan dukachita sangat apabila saya mendengar keterangan atau ucapan Yang Berhormat dari Batu Pahat. Jadi buah nanas itu bukan sahaja harga-nya murah sangat tetapi terbuang langsung. Pada fikiran saya buah nanas itu chukup besar guna-nya dan faedah-nya. Jadi kalau boleh kita chari pakar dari luar negeri walau negeri mana sa-kali pun untuk menyiasat dan mengadakan kilang yang besar. Kita perah ayer-nya kita jadikan chuka, gula dan boleh juga saya fikir kita jadikan beer. (*Ketawa*). Kerana pada masa pemerentahan Jepun dahulu, dalam negeri Kedah ada mem-buat brandy dan whiskey daripada nanas, tetapi kita sekarang ini buat beer chukup-lah. (*Ketawa*). Jadi kalau buat besar²an—ini, Tuan Pengerusi, saya chakap betul² (*Ketawa*) kita dapat jalankan saperti ini buah nanas ini tidak akan terbuang atau tidak laku. Jadi kalau Yang Berhormat dari Batu Pahat tadi mengatakan negeri France dan negeri sa-belah barat itu bermegah dengan buah anggor-nya di-jadikan brandy dan lain² minuman, dan bagitu juga negeri Siam yang beer-nya di-buat daripada beras, maka kita dapat bermegah dengan beer nanas kita. Saya fikir beer nanas ini lebeh sedap lagi daripada beer yang di-bawa dari luar negeri. Walau pun, Tuan Pengerusi, pada mula-nya kurang laris, kerana kilang baharu buka itu kurang laku sedikit, tetapi saya fikir itu tidak menjadi kesusahan sa-kira-nya kita dapat menahan beer luar negeri dari-

pada masuk ka-negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, itu-lah chadangan saya. Kalau sa-kira-nya Kementerian ini bersetuju patut-lah di-jalankan bagitu, yang mana bukan sahaja nanas itu laku di-jual bahkan barangkali harga-nya naik melambong.

Sa-lain daripada itu buah papaya. Buah papaya ini sa-lain daripada boleh di-makan, ia boleh di-buat ubat kepala. Jadi kalau sa-kira-nya ada pakar yang menyiasat yang dapat mengasingkan manisan buah yang masak itu maka itu kita dapat jadikan cream ia-itu buat minyak rambut. (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, saya menhadangkan supaya buah²an itu tidak terbuang, dan kalau harga-nya murah, ia akan jadi mahal. Jadi Saya tahu buah papaya yang masak itu kalau di-sapu kapada kepala, kalau rambut tidak tumbuh dia boleh tumbuh. (*Ketawa*). Jadi kalau sa-kira-nya kita dapat champor dengan bahan² yang lain, mithal-nya, lotion, maka saya perchaya buah papaya ini akan tinggi lagi harga-nya.

Sa-kian-lah, Tuan Pengerusi, ucap-an saya. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat menjalankan shor saya ini, terutama sa-kali berkenaan dengan nanas.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.

Ali (Lipis): Tuan Pengerusi, saya bangun ini yang sa-benar-nya chuma hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu tentang Pest and Disease Control and Field Experiments and Investigations seperti yang tersebut dalam Sub-head 12 dan 15. Tetapi sa-belum saya menyen-toh perkara ini saya suka menguchap-kan sa-tinggi² tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang dapat membuat beberapa ranchangan yang peruntokan-nya ada di-hadapan kita pada hari ini. Saya kasehan kapada Menteri itu, sebab saya dan beliau itu daripada berambut hitam dudok dalam Dewan ini ia-itu daripada Legco dahulu hingga sampai berambut puteh maseh lagi belum dapat kemajuan yang sempurna dalam menghadapi kemajuan dalam mengadakan pertanian yang sa-benar. Walau pun saya telah ber-chakap di-atas dasar dua hari dahulu berkenaan dengan getah yang

mengelirukan fikiran ra'ayat, tetapi saya baca surat khabar dua hari dahulu, Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan pokok² yang boleh mengambil tempat getah dan memberi keuntungan lebeh baik kapada ra'ayat negeri ini.

Ada satu perkara yang saya tidak faham ia-itu berkenaan dengan Field Experiments and Investigations yang mengandongi 4 perkara: (1) Annual Dry Land Crops; (2) Livestock and Pasture Investigations; (3) Padi Investi-gations; (4) Permanent Dry Land Crops. Perkara ini banyak, bukan 4 sahaja seperti yang di-sebutkan oleh Menteri. Mithal-nya, oil palm, coco-nut, coffee, manila hemp dan sa-bagai-nya. Saya hendak satu sahaja perkara yang tetap betul supaya ra'ayat boleh bertanam pokok² yang boleh menolong atau meninggikan taraf hidup ra'ayat Kalau kita berchakap tentang oil palm mithal-nya, Kementerian ini ada mem-buat satu perchubaaan di-Trengganu ia-itu di-Cherangau. Sa-hingga hari ini tidak dapat keputusan ada-kah oil palm di-Cherangau itu boleh memberi keuntungan yang lebeh atau boleh menggalakkan ra'ayat membuka tanah di-sabelah timor. Bagitu juga berkenaan dengan kelapa di-sabelah barat. Saya telah berchakap dahulu sa-hingga saya di-tudoh oleh Menteri yang saya ini "expert" yang tidak ada bertauliah tetapi saya terima kerana saya datang dari College of Agriculture atap nipah. Sunggoh pun bagitu saya lama dalam Pejabat Pertanian hampir 30 tahun. Saya tahu kedudukan berchuchok tanam ini. Pada masa itu saya minta experiment kapada kelapa jangan di-buat, tetapi Yang Berhormat Menteri mengatakan mustahak—hendak buat juga. Sa-hingga hari ini apa yang telah jadi kapada experiment kelapa dan apa yang telah jadi tentang kedudukan hendak membaiki nasib pekebun kelapa di-sabelah pantai barat? Saya hendak tahu.

Berkenaan dengan manila hemp chuma estate orang Puteh sahaja yang ada dalam negeri Pahang. Experiment manila hemp ini saya nampak chuma di-Serdang sahaja ada, tetapi tidak ada

faedah-nya di-adakan perchubaan (experiment) itu di-pejabat Kerajaan atau di-tempat yang orang ramai tidak nampak dan faedah-nya tidak diketahui oleh orang ramai. Jadi saya benda-lah galakan² sa-umpama ini hendak-lah di-lanjutkan di-kampung² di-mana padi boleh sesuai dengan-nya, menggantikan getah jika kita adakan experiment. Nampak-nya ra'ayat hanya nampak getah sahaja yang banyak dalam Tanah Melayu ini tidak ada benda lain dan itu-lah mata wang yang di-chari oleh mereka itu. Jadi, kita hendak-lah mengubah kehendak² mereka itu melainkan kita ada satu propaganda di-jalankan dengan melalui kereta menunjukkan kepada ra'ayat. Di-tunjukkan ini manila hemp—gambar manila hemp macham mana hendak membuat manila hemp, dan harga manila hemp kepada ra'ayat maka nampak-lah fa'edah-nya bertanam manila hemp untuk menggantikan getah atau pun dengan pokok² yang lain.

Berkenaan dengan pokok yang besar² pula saya tahu oil palm ini barangkali juga banyak di-tanam di-Estate² dan boleh mendapat faedah-nya lebeh daripada getah. Tetapi malang-nya oil palm ini tidak boleh di-buat oleh pekebun² kechil kerana pasaran-nya tidak ada di-negeri kita ini. Pasaran yang ada hanya di-sebelah barat sana. Saya tahu di-tempat saya ada orang mengikut nasehat pegawai tanaman dalam tahun 1936 bertanam 25 ekar oil palm sampai hari ini ada daripada tanaman itu tidak mengeluarkan hasil, berbuah sahaja tetapi tidak ada pasaran. Jadi, perkara yang sa-umpama ini merugikan kepada ra'ayat. Sunggoh pun Menteri Pertanian kata kita hendak bertanam dengan jalan Co-operative. Saya tahu sangat-lah pekerjaan Co-operative ini di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu, saya katakan bagaimana tumpuan semangat ra'ayat seluruh-nya sangat-lah lembab. Oleh kerana orang Melayu ini ta' nampak keuntungan daripada Co-operative tidak-lah sa-macham perniagaan bersendirian. Boleh juga orang meminjam duit melalui Co-operative ini tetapi keuntungan kepada pihak

dia itu lambat. Jadi, dengan jalan Co-operative nampak-nya boleh juga di-buat tetapi mengambil masa yang panjang kerana banyak sangat Co-operative ini hendak membuat pekerjaan, Co-operative ikan, Co-operative ini dan Co-operative itu sa-hingga bank pun berco-operative. Jadi, orang kita ini ta' dapat satu hendak di-tujukan. Bagitu juga menunjukkan kepada ra'ayat seluruh keuntungan Co-operative dan dia punya dividend atau pun interest tidak-lah macham perniagaan yang lain². Terutama sekali jika kita mengadakan satu Estate oil palm macham mana hendak memberi ke-istimewaan, masokkan cherita-nya dalam surat khabar.

Kerajaan pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit masa saya berchakap berkenaan dengan hal ini ia-itu hal memberi tanah, pada masa ini di-usahakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Orang² nampak tidak ada peluang hendak mendapat tanah daripada Kerajaan negeri. Jadi itu melengahkan. Jika sa-kira-nya sa-bagai satu Menteri yang bertujuan membuat ranchangan-nya bertanam kopi atau bertanam manila hemp atau bertanam oil palm kalau tidak salah saya sa-umpama Kementerian Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, nampak-nya, perkara itu lebeh lambat akan berjaya kerana dalam tempoh 5 tahun ini terutama Kerajaan Perikatan; chuma kalau-lah boleh berjaya semula, saya ta' tahu-lah kemajuan ini boleh di-buat dalam tempoh 5 tahun atau tidak. Sa-kira-nya ini saya kandongkan dengan experiment aircraft. Kita berchakap experiment² sahaja tetapi belum lagi kita buat experiment-nya. Tidak ada tegasan yang sa-umpama Rural Development sekarang ini—Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Federal Development mengambil tanah 2,000 ekar, 5 ekar di-tanam dengan getah kita tidak dapat kejayaan sa-umpama ini. Oleh itu saya suka-lah memberi pandangan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian jika sa-kira-nya dia memikirkan perkara oil palm-kah, kopi-kah atau pokok² yang lain boleh di-gantikan

dengan getah. Pada masa membuat ranchangan² ini dia mesti-lah berunding dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar atau Land Development Authority membuka tanah dan memberi wang kepada mereka itu dengan menguntokan tanah itu di-buka kerana oil palm atau manila hemp atau kopi dan sa-bagai-nya.

Pada hari ini apa juga ranchangan membuka tanah tidak ada lain melainkan getah. Dalam persidangan Land Development Authority mengkhaskan 6 atau 7 ekar getah, 2 ekar buah²an, satu ekar kawasan kampung. Tidak ada pokok² lain chuma saya ada dengar hendak di-chuba di-Jerengau dan itu pun belum tahu. Saya bimbang di-Kuantan juga tanah sudah di-buka oleh FLDA hendak bertanam kelapa bali—oil palm sampai hari ini ta' jadi, apa-kah sebab-nya ta' tahu-lah saya. Mungkin Yang Berhormat Menteri Pertanian tidak memberi nasehat, saya ta' tahu-lah. Tetapi yang sa-benar-nya saya suka-lah kalau apa juga yang hendak di-buat itu hendak-lah di-segerakan oleh Menteri Pertanian berkenaan dengan mengambil tempat getah kerana getah sudah turun harga-nya kerana getah berlawanan dengan synthetic rubber, dan benda itu berbangkit dengan Kementerian yang lain tetapi ra'ayat-lah mesti membuktikan dengan segera terutama dalam Pembangunan Luar Bandar dalam tempoh 5 tahun. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini ada-lah sa-orang yang ta' suka kepada pegawai expatriat sa-kurang²-nya dalam kata²-nya. Tetapi saya suka menarek perhatian Dewan ini tentang maseh banyak Expatriation Pay yang ada di-dalam Anggaran Perbelanjaan pada tahun ini. Sa-tengah-nya bukan sahaja menunjukkan kekal-nya Expatriation Pay ini tetapi bertambah saperti di-dalam bahagian Field Branch dan Agriculture Division dan sa-tengah-nya di-tempat dahulu-nya saperti

College Agriculture tidak ada Expatriation Pay sekarang ini sudah ada Expatriation Pay. Saya tidak menafikan bahawa di-sa-tengah² tempat telah di-kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya langkah memelayankan Kementerian hendak-lah di-percepatkan. Sebab tidak akan dapat di-jalankan ranchangan² kemajuan melainkan dengan kesungguhan yang ada pada pegawai yang menjalankan itu sahaja. Saya maseh berkeperchayaan bahawa di-dalam pegawai² yang bersangkutan dengan kemajuan hanya-lah orang² yang menjadi ra'ayat jelata Persekutuan yang dapat menyambut semangat perkembangan pertanian dalam negeri ini. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah supaya dapat di-perhatikan daripada Menteri Yang Berhormat memandangkan kepada kechemburuan yang ada pada hari ini.

Telah banyak di-perkatakan dalam Dewan ini berkenaan dengan kemajuan sharikat kerjasama. Ada sedikit perkara yang saya nampak yang patut di-perhatikan di-dalam hal ini ia-itu keperchayaan orang ramai kepada sharikat kerjasama ini. Saya berani-lah menyebutkan bahawa memikirkan usaha² sa-tengah tempat rasa hendak menjalankan kerja² sharikat kerjasama ini timbul dengan baik-nya. Sa-tengah tempat yang lain ia-itu sebab tenggelam-nya rasa keinginan orang kampung membuat perusahaan dan sa-bagai-nya dengan chara bekerjasama ia-lah kerana kehilangan keperchayaan mereka itu bukan kerana sistem sharikat kerjasama, tetapi kepada orang² yang menjalankan sharikat kerjasama itu. Saya telah tertarek hati kepada apa yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada usaha² yang hendak di-majukan oleh sharikat kerjasama itu. Tetapi duka-chita-lah bagi mendengar-nya ada 54 Jabatan Odit yang maseh kosong di-dalam rangkaian kerja sharikat kerjasama. Odit, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah merupakan kawalan yang berkesan bagi mengekalkan keperchayaan orang² dengan sharikat kerjasama ini.

Pada pendapat saya kerja odit ini hendak-lah di-segerakan supaya dengan demikian dapat-lah kepercayaan orang ramai di-naikkan bagi menerima sharikat kerjasama, terutama di-dalam tempat² yang telah runtoher kepercayaan orang² ini. Ini boleh jadi disebabkan ada gerakan² churang daripada beberapa pemimpin² di-tempat itu. Satu daripada sebab yang lain yang menyebabkan hilang kepercayaan orang² kepada sharikat kerjasama ini dapat saya saksikan sendiri di-beberapa kawasan yang telah saya ikuti ia-itu ada pemodal² yang berselindung di-sabalek-nya. Pemodal² ini pada mulanya membuat atau membentuk sharikat kerjasama dan mereka tahu dengan layanan yang baik yang di-berikan oleh Kerajaan dengan gerakan sharikat kerjasama itu. Tetapi telah di-dapati oleh mereka kemudahan² dan hak² yang telah timbul bagi menjalankan usaha² di-atas garisan sharikat kerjasama itu di-buat yang daripada mulanya mereka membolot sahaja, sehingga ada yang di-satengah² tempat itu saya tahu bahawa sharikat kerjasama itu tinggal 7 orang sahaja ahlinya dan ada sa-tengah tempat pula hampir $\frac{3}{4}$ daripada modal itu di-modal oleh sa-orang sahaja. Sharikat kerjasama seperti ini tentu-lah tidak dapat di-terima oleh ra'ayat dan saya berharap kepada Menteri Yang Berhormat supaya pada masa hadapan hendak-lah memerhatikan dan mengawal kemajuan sharikat kerjasama ini supaya menjamin kepercayaan ra'ayat itu terus menerus. Saya teringat di-dalam odit, yang mustahak-nya bukan-lah kerja odit, tetapi apa yang berlaku sa-sudah odit itu di-lakukan, ada kala-nya odit bersusah payah mencari kesalahan² itu. Akan tetapi manakala mendapat kesalahan² itu tidak ada satu tindakan yang di-ambil. Akhir-nya ahli² sharikat kerjasama itu hilang kepercayaan bukan sahaja kepada orang² itu, tetapi juga kepada pegawai² Kementerian yang menjalankan tugas itu. Mereka memandang bahawa sa-lagi mereka itu jahil, maka sa-lama itu-lah penyakit² itu dapat di-sebarkan oleh mereka di-kampung² hingga tidak dapat sambutan lagi

kapada orang² yang ikhlas hendak menjalankan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka pula pergi kapada polisi di-dalam Jabatan ini bahawa ada rashuah yang berlaku di-dalam-nya. Walau pun ada surat khabar yang menebalekkan berita itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik kawalan yang telah di-sebutkan oleh Menteri Pertanian itu, akan tetapi saya suka sa-kira-nya Menteri Yang Berhormat dapat memerhatikan ada-kah terjadi rashuah di-dalam jabatan itu, kerana tabiat orang² itu hendak mengambil rashuah itu kerana di-dalam peratoran biasa-nya tidak lengkap dan tidak kemas, sa-kira-nya kerana peratoran² itu tidak lengkap dan tidak kemas maka ini-lah dapat kita perhatikan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun kita katakan pegawai² hanya dapat di-kawal dengan peratoran². Sa-kira-nya di-banyakkan section² pemeriksaan dari masa kasamasa maka saya perchaya perkara ini dapat di-kawal.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Yang Berhormat telah berchakap dengan panjang lebar berkenaan dengan diversification, ia-itu membanyak ragamkan tanaman² di-negeri ini, tetapi Yang Berhormat itu terlupa agak-nya tentang soal tebu yang dahulu-nya beliau telah membuat satu kenyataan di-sini. Saya memerhatikan bahawa tebu, sa-bagaimana pandangan Yang Berhormat dari Batu Pahat, adalah satu tumbuh²an yang sangat sa-suai di-tanamkan. Saya fikir, jika harga getah jatuh, ada harapan harga tebu akan menggantikan tempat-nya. Tuan Yang di-Pertua, kita telah meletakkan harapan yang besar kapada usaha Menteri Pertanian di-dalam menchuba supaya tanaman ini dapat satu tonggak baharu, tetapi tidak-lah saya ketahuï apa yang telah berlaku berkenaan dengan ini. Sebab saya telah menyalin usaha² dalam perkara² yang di-sebutkan oleh Menteri itu, tetapi tidak-lah di-sentuh walau sedikit pun. Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah soal tebu itu menjadi satu soal di-kawasan saya di-Bachok. Pada tahun yang telah lalu Menteri Yang Berhormat telah berjanji

hendak melawat ka-kawasan saya hendak melihat satu ranchangan berkenaan dengan nelayan. Alham duli-lah dua tahun sudah dengan ta'at-nya dia ka-sana, tetapi saya tidak meminta pada tahun ini supaya Menteri Yang Berhormat itu bersusah payah asalkan kemajuan ini di-betulkan, sebab soal Kuala Temasek telah di-perhatikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan saya sedang mengurus dengan-nya. Tidak-lah saya mengatakan Ahli Yang Berhormat dari Lipis bahawa Menteri² tidak berunding dalam perkara ini, tetapi saya memandang kalau satu pehak sudah mengambil berat maka chukup-lah.

Dalam tugas Kementerian Pertanian ini terutama dalam soal yang di-sebutkan oleh Menteri Yang Berhormat tentang membanyakan tanam²an ubi ini, saya minta-lah Menteri Yang Berhormat itu supaya memberi perintah kepada Pegawai Pertanian supaya mereka ini menasehatkan orang² kampung dalam menyusun pokok² yang di-tanam oleh orang² kampung di-tempat mereka sendiri. Bila saya sebutkan kampung ia-lah tanah kampung—yang saya maksudkan itu dusun mereka atau ladang. Kita tahu apabila kita masuk ka-sabuaah kampung orang kita maka kita dapati diversification yang di-amalkan itu ia-itu membanyakan ragam pokok—pokok manggis sabatang, pokok rambutan sadikit dan betek pun ada. Ini-lah chara-nya kalau ta' salah saya ia-lah chara perspective ia-itu kita semua ada tetapi semua ta' ada, dan akhir-nya tanam²an di-rumah tidak merupakan satu tonggak ekonomi bagi kemajuan. Yang saya harapkan ia-lah supaya Pegawai Pertanian dapat memberi nasehat kepada orang² kampung umpama-nya rambutan yang masam itu di-tukarkan dengan apa tanaman yang boleh menambahkan pendapatan dan yang boleh sadikit sa-banyak-nya memberi sumbangan kepada kekuatan ekonomi negara yang menjadi asas bagi Kementerian Pertanian ini. Ini kalau kita amalkan maka akan menjadi orang² kampung itu orang yang mempunyai sadikit

sa-banyak hasil yang kechil daripada tanam²an. Tidak-lah saperti sekarang ini ia hanya makan tetapi makanan-nya tidak memuaskan.

Memajukan sharikat kilang ra'ayat bergantung-lah kapada pegawai yang tambahan-nya sa-banyak 16 orang Co-operative Officer dalam Anggaran Belanjawan ini. Rasa saya tidak-lah memuaskan. Lihat-lah sahaja di-kawasan saya Bachok, sa-buah kawasan yang ada nelayan, ada petani, ada peladang dan ada orang yang memelihara lembu dan bermacam² usaha termasuk kelapa dan sa-bagai-nya. Alham duli-lah, di-tempat saya itu tidak ada Pegawai Sharikat Kerjasama. Sharikat kerjasama itu agak-nya di-atas pegangan Pegawai Sharikat Kerjasama Pasir Puteh yang menjaga kedua² kawasan itu. Saya terdapat dalam persidangan luar bandar pegawai itu ta' chukup kaki-tangan, terkadang² ia sampai teragak² sebab banyak dan luas kawasan-nya. Sukalah saya sa-kira-nya Menteri Yang Berhormat ini memikirkan supaya dalam membanyakan atau yang telah di-banyakan supaya kawasan² yang besar itu di-beri-lah sa-orang yang bertugas benar², sebab tidak akan mendapat kemajuan sharikat kerjasama ini sa-kira-nya pegawai itu tidak chukup kalau sa-suatu tempat itu besar. Satu daripada perkara yang di-sebutkan di-sini dan beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan tadi yang rasa saya saya minta kapada Menteri ini membuat satu kenyataan dalam Rumah ini sa-kurang²-nya menyedapkan ia-itu berkenaan dengan ada-nya perkataan² yang mengatakan bahawa kita telah gagal dalam Resettlement of Special Constable Division. Bermacam² cherita kegagalan, ada kala-nya ta' bayar-lah ada kala-nya kaki-tangan-nya tidak terator sa-hingga saya merasa berkewajipan meminta kapada Menteri Yang Berhormat itu bukan hanya se-takat apa yang telah lalu tetapi apa-kah langkah² untuk pembaikan yang telah di-atorkan oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini supaya menjadikan ranchangan² 104 dan 105 itu kejayaan dan tidak gagal. Saya akui bahawa

hutang negeri kepada pasokan ini ada-lah besar kerana mereka telah mempertaruhkan jiwa mereka bagi keselamatan negeri ini dan saya akui-lah bahawa yang di-beri itu tidak pun chukup. Tetapi walau pun sedikit wang itu di-beri biar-lah ranchangan itu berjaya, sebab kejayaan ranchangan yang di-buat kepada bekas Pasokan Keselamatan ini bukan sahaja memuaskan tuntutan² kewangan dan memenohi harga kewangan-nya yang di-beri kepada mereka itu malah juga dapat memberi benar² fa'edah kepada bekas Pasokan Keselamatan yang kita dapat tanggongkan bagi mereka itu terhadap ranchangan-nya itu.

Saya minta kepada Menteri Yang Berhormat memikirkan dengan berat-nya supaya tidak-lah akan berulang cherita² gagal demi gagal dalam usaha ini dan usaha memberi bantuan dan sumbangan untok bekas pasokan keselamatan ini.

Soal² kemajuan Kementerian Pertanian ini ada-lah soal yang berat bagi negeri ini, maka saya fikir perhatian yang di-beri oleh Dewan ini hendaknya mendapat layanan yang baik daripada Kementerian ini.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Di-dalam ucapan-nya yang mengambil masa sa-lama 1½ jam membentangkan Anggaran Perbelanjaan ini pada petang sa-malam, saya mengucapkan ber-banyak terima kaseh, kerana di-dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Yang Berhormat itu saya dapati beberapa perubahan telah pun dapat di-adakan, terutama sa-kali dalam soal perikanan; maka di-atas kejayaan itu saya ucapkan lagi terima kaseh.

Yang Berhormat dari Tanah Merah, Tuan Yang di-Pertua, telah menyentoh ketika membahathkan perbelanjaan ini yang pada fikiran-nya ranchangan luar bandar ini merupakan satu kerugian kepada penduduk di-dalam kawasan luar bandar, kerana kata-nya dengan ada-nya jalan² itu maka

banyak-lah orang jual “kachang puteh” masok ka-dalam kampung.

Mr. Speaker: Order. Perkara itu tidak ada kena-mengena dengan Kementerian yang di-bahathkan dihadapan Majlis ini.

Tuan Haji Mokhtar: Oleh kerana dia sudah menyentoh.....

Mr. Speaker: Tentang dasar ‘am kita telah bahathkan sa-lama 3 hari. Sekarang kita bahathkan dasar yang ada peruntokan (belanja)-nya. Kalau hendak chakap sebutkan di-bawah Item mana.

Tuan Haji Mokhtar:tetapi, Tuan Yang di-Pertua, itu pada fikiran-nya, tetapi pada fikiran saya berlainan. Saya hendak beri buah fikiran saya.....

Mr. Speaker: Tidak boleh “argue” dengan Speaker!

Tuan Haji Mokhtar: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka menarek perhatian Menteri Pertanian berkenaan dengan menanam padi. Negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah satu kawasan padi, yang mana pada tahun lalu telah dapat mengeluarkan lebeh kurang 40,000,000 juta gantang. Saya ucapkan ber-banyak terima kaseh di-atas kejayaan ini. Ini ada-lah satu kejayaan yang chukup besar. Dan saya perchaya dengan usaha² dan jasa-nya menumpukan di-atas hal yang demikian, maka dapat-lah penanaman padi dalam negeri Perlis pada tahun ini akan merupakan hasil yang lebeh banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun saya ada-lah sa-orang keluarga tani, tetapi bukan mengeluarkan padi sahaja bahkan saya sa-orang daripada keluarga yang membanting tulang dan urat kerana perusahaan ini. Dan saya menyokong di-atas shor Yang Berhormat rakan saya dari Seberang Utara tadi supaya harga padi itu ditimbangkan sa-mula.

Bukan sa-takat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pada masa penjajahan dahulu saya tahu Kerajaan Penjajahan memberi hadiah² kepada orang² yang berusaha menanam padi, terutama

sa-kali kapada petani² dan juga memberi coupon ia-itu daripada penjualan padi supaya dapat di-tukar dengan kain baju. Tambahan pula kapada mereka yang membuka tanah baharu lebeh banyak mendapat hadiah.

Oleh kerana itu saya merayu kapada Menteri yang berkenaan memikirkan sa-mula supaya dapat menggalakkan atau memberi bantuan kapada petani tadi. Pada masa ini ia-itu masa kita menempoh zaman kemajuan kita berkehendakkan wang untuk memberi pelajaran kapada anak petani itu.

Sa-lain daripada itu, saya ucapkan terima kasih kapada Menteri Pertanian, kerana pada tahun yang lalu negeri Perlis telah dapat menanam padi dua kali. Dan dengan ada-nya menanam padi dua kali ini telah memberi satu kemewahan kapada penduduk yang tinggal di-luar bandar, terutama sa-kali petani² tadi. Pada masa yang lalu muka mereka kalau kita pandang daripada jauh dapat kita kenal bahawa mereka ada-lah petani, kerana badan-nya kotor penoh oleh selut. Tetapi pada hari ini, mereka yang dapat menanam padi dua kali itu, kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri pergi ka-Perlis, terutama pekan Kangar, Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak akan dapat membezakan: Adakah mereka itu daripada gulungan petani atau gulungan atasan, kerana mereka memakai kasut jenis Barratt, seluar (chelana) mereka daripada palm beach, mereka tidak lagi menunggang basikal bahkan memakai Honda. (Ketawa).

Jadi hal ini menggambarkan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana fa'edah dan besar-nya pertolongan dengan chara kita menanam padi dua kali sa-tahun. Chuma satu kekurangan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu kewangan. Saya merayu kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama supaya memberi wang banyak kapada negeri Perlis, terutama sa-kali dalam hal menjalankan kerja membena tali ayer. Jadi dengan bantuan ini dapat-lah lagi ra'ayat negeri Perlis merasa kemewahan, dan ini sa-suai dengan zaman kemajuan dan zaman merdeka,

yang mana dapat-lah kita banggakan, terutama petani² tadi merasa nikmat kemerdekaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping itu ada satu soal dan masa'alah yang saya hendak minta penjelasan dalam Dewan ini daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Persatuan Peladang (Farmers' Association). Dalam negeri Perlis telah mendatangkan kekeliruan dalam perkara ini, kerana Pegawai Pertanian telah masuk kampung menubuhkan Persatuan Peladang. Ada-kah tugas ini daripada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama? Dan ada pula yang membuat diayah ia-itu siapa yang tidak masuk menjadi ahli Persatuan Peladang, mereka tidak dapat baja, tidak dapat bantuan ini dan itu. Jadi ini-lah yang saya minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, kerana saya sendiri pun sa-bagai Wakil Ra'ayat kalau di-tanya, tidak dapat hendak beri jawapan atas soal ini.

Berhubung dengan Drainage and Irrigation saya mengucapkan banyak terima kasih, kerana pejabat ini telah memberi bantuan yang besar kapada petani negeri Perlis, bukan sahaja memberi bantuan bahkan bekerjasama yang erat dengan ra'ayat, sa-hingga tidak mendatangkan apa² perbalahan di-antara petani dengan pejabat ini. Ini-lah satu tanda yang pejabat ini telah bekerjasama dengan baik-nya. Maka dengan kerjasama yang baik itu-lah ra'ayat dapat ayer dengan mudah. Tetapi satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat rayuan di-sini ia-itu dalam negeri Perlis memang termashhor satu tempat yang banyak ikan darat, terutama ikan sepat atau ikan sepat benua kata orang Perlis. Tetapi sa-telah parit dan tali ayer ini ada, pada ketika bah banyak ikan itu masuk ka-parit lalu turun ka-laut, yang mana beratus² juta mati kerana masuk dalam ayer masin. Oleh kerana itu saya merayu kapada Menteri yang berkenaan memikirkan bagaimana-kah pintu ayer tadi dapat di-buat supaya ikan tadi tidak dapat keluar pergi ka-laut. Kerana, Tuan Yang di-Pertua,

sa-masa saya berada di-India dahulu saya lihat ada satu chara yang mereka itu buat ia-lah pintu² ayer—saloran yang ikan² boleh naik dan turun. Jadi, dengan chara yang demikian kita tidak membunuh ikan² darat sa-tahun demi sa-tahun. Jadi saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan membawakan pakar² tersebut supaya dapat-lah kita menambahkan lagi makanan bagi orang² kita terutama sa-kali kepada pak² tani dapat-lah mereka itu makan ikan² dengan tidak payah membeli-nya daripada market.

Berkenaan dengan perkembangan sharikat kerjasama di-muka 50, perkembangan sharikat kerjasama dalam negeri Perlis terutama-nya sharikat² kampong boleh di-katakan berjalan dengan tidak begitu maju yang mana telah di-chakapkan dalam Majlis ini. Beberapa banyak daripada perkara yang membawa sharikat kerjasama di-dalam tiap² negeri itu kurang maju kerana pegawai²-nya di-tempatkan dalam tiap² negeri mereka tidak ada hubungan langsung dengan negeri. Tidak seperti jabatan² yang lain, Tuan Yang di-Pertua, seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan ada hubungan-nya dengan negeri. Jadi, oleh kerana itu dapat-lah mereka² itu bertukar² fikiran sa-kurang²-nya memberi tegoran kepada pegawai² menjalankan tugas di-dalam tiap² negeri itu. Oleh sebab itu-lah saya juga merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya mengubah system sharikat kerjasama ini dengan chara di-adakan hubungan dengan negeri tidak seperti hari ini. Kerana dengan ada-nya keada'an pada hari ini saya rasa kemajuan sharikat kerjasama itu tidak-lah dapat berjalan dengan begitu baik.

Bagitu juga saya merayu kepada Menteri yang berkenaan sa-bagaimana saya katakan, negeri Perlis ada-lah tempat kawasan padi dan pada hari ini hanya ada 3 buah kilang² besar sahaja yang membeli padi tiap² tahun. Terpaksa-lah penjualan padi dalam negeri Perlis keluar menjual ka-Kedah dan di-Pulau Pinang. Maka dengan sebab itu saya merayu kepada Menteri yang berkenaan memikirkan supaya di-

adakan satu kilang yang besar dengan merupakan sharikat kerjasama, Dengan ada-nya kilang besar yang merupakan sharikat kerjasama itu akan memberikan banyak kemudahan kepada petani² yang ada dalam negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun pada masa yang lalu negeri Perlis telah ada sa-buah kilang yang besar sa-chara sharikat kerjasama tetapi ada ke-silapan yang telah berlaku; tidak ada guna-nya kita hongkit²kan balek perkara yang telah lalu kita lupakan sahaja-lah. Jadi sa-mata² menchari jalan bagaimana hendak baikan kehidupan petani² yang dudok di-kampong² terutama sa-kali menubohkan kilang sharikat kerjasama. Dengan itu memberi lagi banyak kemudahan dan kesenangan² kepada petani² menjual padi-nya dengan tidak payah membawa padi itu keluar negeri.

Berkenaan dengan Haiwan atau Veterinary saya tidak hendak berchakap panjang di-atas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya saya hendak memberi tahu kepada Menteri yang berkenaan ranchangan memberi anak ayam, kambing dan kerbau kepada orang² kampong telah kechiwa. Kerana apa, saya tahu telah kechiwa, pemberian anak ayam itu ada-lah anak ayam yang di-beli di-kedai². Bila penjual² ayam pergi ka-kampong² menjual ayam dan bila ayam² itu ta' habis di-jual, maka ayam itu-lah yang di-beli-nya. Akhir-nya di-bawa ka-kampong² lebeh kurang 13,000 ekor dan di-bagi-nya di-antara 200 dan 50 ekor tiap² sa-orang tetapi akhir-nya anak² ayam itu tidak hidup. Bagitu juga kambing, saya dapat tahu kambing² itu di-beli-nya dari orang kampong dengan harga 50 atau 60 sen sa-kati. Kambing² itu pula di-beli kambing² yang kurus², sa-telah di-himpun sampai beratus² ekor dengan tidak di-beri makan akhir-nya manakala sampai kepada ra'ayat kambing² itu pun mati. Saya merayu-lah kepada Menteri yang berkenaan kalau hendak di-bagi, biar-lah kita bagi betul². Berilah yang kita kaseh maka baharu-lah dapat pahala-nya. (Ketawa). Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Mohd. Salleh (Segamat Utara): Tuan Yang di-Pertua, pada bahagian Co-operative di-daerah saya di-Segamat ya'ani bagi kawasan saya kalau pun tidak diseluruh Tanah Melayu saya rasa, harus dalam daerah Segamat-lah chorot sa-kali perkembangan² dalam bahagian Co-operative ini. Saya rengkaskan sahaja dalam Dewan ini, mengikut pandangan saya sebab²-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sa-kali di-Segamat itu, dengan anjoran Pegawai Daerah-nya semenjak lepas perang dahulu di-tubuhkan sa-buah Co-operative Store—menjual barang, ahli²-nya bukan sahaja daripada pegawai² Kerajaan daripada besar sampai sa-kecil²-nya tetapi termasuk juga orang² kampung. Co-operative Store ini berjalan sa-tahun demi sa-tahun dengan di-gantikan satu Manager dengan satu Manager pada akhir-nya sa-kali baharu-lah Manager itu di-pegang oleh sa-orang ahli share di-dalam Co-operative itu. Malang-nya ta' berapa lama Co-operative itu di-tutup dan barang²-nya telah pun di-lelong. Semenjak daripada itu; ta' usah-lah di-sebutkan lagi hendak mengadakan sharikat² kerjasama di-bandar atau di-kampung² yang lain daripada Sharikat Kerjasama Pinjam Meminjam melainkan orang ramai sendiri hendak membalekkan kerana sa-buah sharikat kerjasama telah pun di-tubuhkan dan di-lelong barang²-nya. Hal itu harus-lah menjadi satu tauladan dan sebab yang pertama. Dan sebab yang kedua mengikut pandangan dan ingatan saya harus-lah selama-nya daerah Segamat itu belum pernah di-tempatkan sa-orang pun pegawai sharikat kerjasama ini. Dan kalau pun ada sa-hingga sekarang ini pegawai sharikat kerjasama ini hanyalah dari Muar sahaja. Saya pernah juga berjumpa dengan pegawai Sharikat Kerjasama Daerah Muar itu bertukar² fikiran untuk mendapatkan sa-orang pegawai di-Segamat tetapi payah hendak berjaya. Saya fikir kalau ta' boleh dapat sa-orang pegawai dengan sebab ta' chukup walau pun ada Kerajaan menguntokan pegawai Co-operative ini daripada 91 kepada 107 orang kalau ta' dapat di-tempatkan

di-sana harus-lah barangkali dapat di-ikhtiarkan pegawai di-Muar itu di-tempatkan di-Segamat.

Dan urusan berkenaan dengan sharikat kerjasama di-Muar yang di-antara daerah² dalam Johor itu sa-buah daerah yang chukup besar perkembangan sharikat kerjasama maka boleh-lah di-tinggalkan buat sementara dan kerja²-nya itu di-uruskan dari Segamat. Ini rasa saya Yang Berhormat Menteri harus mudah-lah hendak mentadbirkan chara mendapatkan sa-orang pegawai sharikat kerjasama. Yang ketiga-nya sa-lain daripada sebab² itu yang saya ada juga mengikut pegawai² sharikat kerjasama ini di-mana² juga ada kumpulan walau pun tidak banyak di-Segamat. Pada perhatian saya kalau di-fikirkan elok perkara² ini patut di-betulkan ia-itu selalu-nya pegawai² sharikat kerjasama ini bila menerangkan kepada orang ramai itu tujuan² mengadakan sharikat kerjasama dan menerangkan kebaikan²-nya, tetapi lapisan yang kadua dalam penerangan itu dan pada akhir-nya untuk menamatkan satu² perjumpaan itu ada-lah juga terkeluar daripada pegawai² sharikat kerjasama yang saya yakin itu ada-lah satu tugas sa-memang tidak boleh melindungi daripada menerangkan kesusahan-nya bagitu bagini, kalau kita menerangkan segala kesusahan-nya maka sudah tentu-lah perkembangan sharikat kerjasama ini akan hilang dari masa ka-samasa.

Saya suka menhadangkan kepada pegawai² sharikat kerjasama itu ia-itu memberi penerangan kepada bakal² yang akan menjadi pegawai dalam sharikat kerjasama itu sahaja mesti di-berikan kursus atau penerangan yang sa-chukup²-nya. Manakala pegawai² yang bertugas ini pandai memberikan penerangan maka tentu-lah boleh kita mengharapkan perkembangan sharikat kerjasama ini bertambah² dari masa ka-samasa. Saya rasa di-peringkat ini walau pun terpaksa di-pindahkan daripada Muar ka-Segamat maka yang menjadi target saya, patut-lah di-adakan pegawai sharikat kerjasama di-Segamat.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling):

Tuan Yang di-Pertua, dalam meshuarat belanjawan tahun yang lalu saya telah pun meminta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ia-itu supaya menghantarkan sa-orang pegawai sharikat kerjasama di-kawasan saya di-Baling bagi menguruskan hal-ehwal sharikat kerjasama di-kawasan itu. Pada tahun ini saya merasa sukachita dan menguchapkan terima kasih yang banyak kepada Menteri Yang Berhormat kerana telah menyempurnakan hajat saya dengan menghantarkan pegawai tersebut itu. Saya perchaya sharikat kerjasama yang ada sekarang ini dapat bergerak maju dari masa ka-samasa. Berhubung dengan sharikat kerjasama itu mengikut keterangan yang di-berikan oleh Menteri Yang Berhormat bahawa berjumlah 2,800 buah. Saya perchaya dalam negeri Kedah-lah yang banyak sa-kali sharikat kerjasama terutama sa-kali Sharikat Kerjasama Menyimpan Wang Pinjam Meminjam di-kampong². Walau pun banyak sharikat² ini di-kampong², tetapi sa-tengah-nya ada yang mundor dan ada yang maju. Sebab² kemundoran itu ada-lah juga beberapa perkara penyakit-nya, terutama-nya sudah menjadi tabi'at orang Melayu ia-itu meminjam tidak mahu membayar. Jadi, ini-lah saya nampak tiap² sharikat kerjasama itu mati. Jadi, hal ini tidak-lah boleh kita hendak salahkan kepada pegawai² itu melainkan terpulang-lah kepada ahli² itu sendiri. Saya sangat bersetuju dengan pandangan yang telah di-berikan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi ia-itu hendak-lah mengadakan beberapa orang pegawai² penerangan yang khas untuk memberi penerangan kepada sharikat kerjasama itu.

Tugas² pegawai² sharikat kerjasama tadi sa-lain daripada hendak mengawal mereka juga di-kehendaki menubuhkan beberapa buah sharikat kerjasama yang baharu. Orang² kampong sa-benar-nya mereka belum tahu hal² sharikat kerjasama, maka hendak-lah di-adakan pegawai² yang ada pengalaman yang betul dan mempunyai daya penarek untuk memujuk orang² kampong membuat sharikat kerjasama. Lebeh² lagi saya sendiri biasa berjalan bersama² mengikut pegawai² sharikat kerjasama waktu mereka menubuhkan-nya. Ada sa-tengah-nya pula memomok²kan, terutama sa-kali Tok Lebai, mereka kata sharikat kerjasama ini tidak boleh di-buat haram kata-nya, sampai hari ini juga ada orang yang mengatakan sharikat ini tidak boleh di-buat haram. Ini ada-lah satu perkara yang boleh membantutkan fikiran orang² kampong.

Kita hendak-lah mengadakan satu jalan untuk menchegeh daripada kemundoran perjalanan sharikat kerjasama ini. Saya rasa untuk hendak memajukan lagi perjalanan sharikat ini hendak-lah tiap² kawasan itu di-adakan sa-orang pegawai sharikat kerjasama dan hendak-lah di-adakan hadiah² pula tentang kemajuan tiap² kawasan itu. Hadiah² ini hendak-lah di-berikan daripada Kementerian² ini sendiri, saperti Typewriter dan lain²-nya atau benda² yang boleh memberi guna kepada sharikat². Ini ada-lah satu chara yang boleh mereka berlumba² memperbaiki sharikat² mereka. Terutama sa-kali di-timbang tentang wang² yuran dan kerja² yang bersangkutan paut dengan sharikat ini.

Adjourned at 6.30 p.m.